

SAMUDERA



WADAH MENGEMBANGKAN MINDA GENERASI BAHARU THE NAVY PEOPLE

Lahad Datu, Sabah


TLD M SERIUS TANGANI ISU KEGANASAN

#KEBAJIKAN #KESIAPSIAGAAN #KESELAMATAN
#DIPLOMASI PERTAHANAN




KANDUNGAN

<p>3 DARI MEJA KETUA EDITOR</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Sidang Redaksi <p>4 FOKUS</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Konsep Pangkalan Operasi Hadapan ATM dalam Menangani Ancaman di Perairan Timur Sabah <p>7 KESIAPSIAGAAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Pelupusan Peluru dan Bahan Letupan ➤ Peranan Tim Gempur PASKAL diperakui- Tugas Pengiring Aset Penting Negara dari Korea Selatan ke Bintulu <p>9 OPERASI DAN EKSESAIS</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ PAT Rasmi MALINDO DARSASA 9AB/2016 ➤ Eksesais Table Top Tentera Laut India bersama TLDM di PUSTAKMAR ➤ Eksesais Cooperation Afloat Readiness and Training (CARAT) 2016 ➤ Ex Pacific Partnership 2016 Kongsi Kepakaran dan Teknologi ATM-TLAS <p>14 TEKNOLOGI</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Penyalaku di KD PELANDOK Pemangkin Tahap Kompetensi dan kemahiran The Navy People ➤ Radar Signal Interception Mores into The Digital Age Innovative Elint Solution <p>18 INFO IT</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Sistem ePembelajaran TLDM 2.0 Lebih Dinamik dan Mesra Pengguna <p>20 HARIINI DALAM SEJARAH</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Pembinaan Modul TLDM di Terumbu Layang-layang ➤ Penyertaan Anggota Malay Navy dalam Pasukan Office of Strategic Service 404 (OSS 404) ➤ Penamaan 51 Workshop KD Malaya (51 WKSP) ditukar ke Depot Senggaran Kenderaan (DSK) ➤ Pusat Taktik Maritim dikenali Sebagai PUSTAKMAR ➤ TLDM terima Kapal Layar dari Keluarga Tun Razak ➤ Upacara Penyerahan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ➤ Ketua Menteri Singapura Melawat Pangkalan Royal Malaysian Navy Woodlands ➤ Upacara Perlucutan Tauliah 6 buah Kapal Ronda TLDM <p>24 UNSUNG HERO</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Old Frog ke Istana <p>28 PENULIS TAMU</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Royal Australian Navy Training Force Headquarters <p>30 KHAS</p> <p>34 TIPS</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Tidak Salah Langkah-Bakal Pesara dinasihat Rancang Hala Tuju <p>36 NBOS</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Program Remaja Berwawasan di bawah NBOS 8 ➤ TLDM Berjaya Latih 7040 Murid Sepanjang Program Remaja Berwawasan ➤ Kecemerlangan Pusat Perkhidmatan Komuniti (PUSPEK) dalam Merealisasikan NBOS ➤ Program Interaksi TLDM bersama Nelayan dan Pelancaran Kad RAKAM di Dungun, Terengganu ➤ Program Jiwa Murni Mendekatkan Awam dan TLDM ➤ Program Jiwa Murni MAWILLA 1 bersama Ahli Parlimen Kuala Lipis ➤ Program Jiwa Murni 2016 PLKS- Tutorial <p>46 PSSTLDM</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Istiadat Pentauliahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam Kali ke-35 	<p>48 TINTA ROHANI</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Program Pengimaranan Masjid Meningkatkan Kerohanian Warga <p>50 INFO DIDIK</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Program Kepimpinan dan Jati Diri Maktab Tentera Diraja (MTD) ➤ Latihan Sambil Belajar Laskar dalam Latihan di Kapal-kapal TLDM ➤ Australian Defence Force English Language Profiling System (ADFEELS) <p>54 BERITA SEMASA</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Lawatan Kapal Tentera Laut India ke Malaysia Eratkan Hubungan bersama TLDM ➤ Lawatan Kapal Tentera Laut Diraja Australia ke Langkawi ➤ Lawatan Kapal Tentera Laut Republik Rakyat Algeria (TLRRA), KRRA Ezzadjer ke Malaysia ➤ Mesyuarat Navy to Navy Talk ke-11 bersama Tentera Laut diraja Australia Eratkan Persahabatan ➤ Siap 2019-Komplek Wisma Bintara ATM Beri Keselesaan, Naikkan Moral Bintara ➤ Penutup Kursus Asas Komando PASKAL Sri 61/2016 Cipta Sejarah Tersendiri ➤ Lima'17 dijangka Lebih Hebat dari Edisi Lepas ➤ Pacific Reach 2016-Sambutan Kepulangan Mega Bakti dari Jinhae ➤ PASKAL Living Mega Malikari Tension Les Platform ke Perairan Sabah <p>60 GALLEY SAMUDERA</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Rahsia Asam Pedas Merong Mahawangsa <p>62 INFO KESIHATAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Difteria <p>64 SUKAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ TLDM Ungguli Kejohanan Sukan ATM 2016 ➤ Klinik Ragbi KD PERAK di Laut ➤ Kejayaan Akademi Bola Sepak TLDM di Kejohanan Akademi Bola Sepak ATM <p>68 SURAT PEMBACA</p>
---	---



Kulit Hadapan:

Pasukan Khas yang ditempatkan di Pangkalan Operasi Hadapan (POH) merupakan inisiatif untuk memperkuatkan pertahanan dan keselamatan pantai timur Sabah bagi memudahkan ATM melancarkan gerakan pasukan-pasukan khas untuk menangani situasi ancaman 'bukan tradisi' atau 'non-traditional threat' di laut. Artikel di ruangan fokus di muka surat 4 dan 5.



Dari Maju Ketua Editor

Salam 1Malaysia dan selamat bertemu kembali kepada pembaca setia Majalah SAMUDERA. Majalah SAMUDERA Siri 2/16 merupakan keluaran kedua untuk tahun 2016. Di kesempatan ini, masih belum terlewat untuk saya mengucapkan selamat Hari Kemerdekaan Ke-59, Hari Angkatan Tentera Malaysia Ke-83 yang bertemakan '**ATM Perkasa, Kedaulatan Terpelihara**' dan Hari Malaysia yang telah disambut secara meriah pada 16 Sep 16 yang lalu.

Penerbitan kali ini seiring dengan program Hala tuju MinDef 2016 dan turut menyokong empat daripada lima teras utama Kementerian Pertahanan iaitu Kesiapsiagaan, Keselamatan, Kebajikan dan Diplomasi Pertahanan. ATM amnya dan TLDM khasnya akan terus memastikan kesemua pelan tindakan terlaksana demi menjaga kedaulatan, integriti wilayah dan keselamatan perairan wilayah Malaysia. Pengimplementasian Konsep Pangkalan Laut sebagai POH memperkenalkan kesungguhan dan *effectivite* dominasi Kawasan Operasi Maritim dalam mematahkan tindakan penyusupan musuh ke pantai timur Sabah.

Keluaran kali ini juga turut memaparkan kejayaan dalam teknologi maklumat dengan pelancaran sistem ePembelajaran 2.0 di Auditorium KEMENTAH pada 9 Sep 16 oleh Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut. Kesedaran terhadap kepentingan teknologi maklumat dan bergerak selari dengan kemajuan teknologi sistem ini dirangka dapat menjadikan kaedah pembelajaran menjadi lebih efisien dan boleh dicapai oleh pelajar pada sebilang waktu dan di mana sahaja.

Pada masa sama, Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA berharap agar penerbitan kali ini turut memberi impak dan manfaat sebagai bahan bacaan sesuai dengan motto '**Wadah Mengembangkan Minda Generasi Baharu the Navy People**'.

Akhir kata, Sidang Redaksi sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan dan maklum balas serta komen dari semua lapisan pembaca agar majalah ini terus relevan dan dapat meneruskan penambahbaikan secara berterusan.

Sekian dan salam hormat daripada Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA.

'Sedia Berkorban'

SAMUDERA diterbitkan sebanyak tiga kali setahun oleh Markas Tentera Laut dan diedarkan secara percuma. Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya yang berorientasikan 'Wadah Mengembangkan Minda Generasi Baharu the Navy People'.

PENAUNG/PENASIHAT

Laksamana Madya
Dato' Anuwi bin Hassan



KETUA EDITOR

Laksamana Pertama
Ganesh Navaratnam



EDITOR

Kept Syed Ahmad Hilmi bin
Syed Abdullah TLDM



Lt Kdr Fakhron Diyana binti
Fakruddin TLDM



Lt Kdr Mohd Fared bin
Mohd Arif TLDM



Lt Nor Melissa binti
Yayanto TLDM



Lt M Ahmad Fauzan bin
Radzuan PSSTLDM



PW I PRL Normahaily binti
Mohd Nor



PENGEDARAN

BK TMK Amran bin Md Julis
BM PNK Ahmad Alphanizam bin Ahmad Tamrad

REKA BENTUK

MIHAS GRAFIK SDN BHD
No. 9, Jalan SR 4/19, Taman Serdang Raya
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan

Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA

Bahagian Pengurusan Strategik
Markas Tentera Laut, Wisma Pertahanan
50634 KUALA LUMPUR
Tel: 03-20715452 Faks: 03-26929407
Emel: majalahsamuderatldm@gmail.com

KONSEP POH ATM TANGANI ANCAMAN DI PERAIRAN TIMUR SABAH

Oleh: Kept Shaiful Nizam bin Abdul Manan TLDM



Titik Pencetus

Penempatan Pasukan Keselamatan di Timur Sabah bermula semenjak insiden penculikan pelancong warga asing oleh Kumpulan Militan Abu Sayyaf (KAS) di Pulau Sipadan, Sabah pada September 2000.

Pulau Sipadan adalah salah satu daripada beberapa pulau peranginan yang sering dibanjiri pelancong tempatan dan asing serta peminat skuba sepanjang tahun. Pencerobohan oleh Royal Sulu Force (RSF) pada pertengahan bulan Februari 2013 adalah ‘titik pencetus’ pelancaran operasi khas iaitu Op DAULAT yang akhirnya menumpaskan RSF.

Ekoran insiden tersebut, Eastern Sabah Security Command atau ESSCOM ditubuhkan pada 7 Mac 2013, bertujuan menangani isu-isu keselamatan di kawasan pantai timur Sabah.

Setelah penamatian Op DAULAT pada 29 Jun 2014, ATM meneruskan usaha bagi memperkuatkkan pertahanan, keselamatan dan kedaulatan pantai Timur Sabah dengan penempatan tentera serta aset tambahan.

Inisiatif ATM

Satu inisiatif terkini yang digunakan oleh ATM ke arah usaha-usaha ini adalah pelaksanaan Konsep Pangkalan Operasi Hadapan (POH) iaitu Pangkalan Laut (Sea Basing) bertujuan meningkatkan tahap keselamatan di perairan pantai timur Sabah. Perairan Pantai Timur Sabah diliputi seluas 53,420 km persegi dengan kawasan persisir sepanjang 1,733km. Kawasan persisir yang luas ini menghadkan ATM untuk mendominasi keupayaan keselamatan dan ini merupakan cabaran getir ATM dalam menangani ancaman anasir-anasir yang mampu mengganggu gugat keselamatan negara.

Ancaman Semasa

Ancaman ‘bukan tradisi’ atau ‘non-traditional threat’ merupakan cabaran utama yang dihadapi pihak keselamatan negara yang beroperasi di pantai timur Sabah pada masa ini. Modus operandi ‘hit and run’, kumpulan militan dan penjenayah rentas sempadan yang berupaya untuk melakukan aktiviti-aktiviti jenayah di dalam kawasan perairan negara dan menyusup keluar dari Kawasan Operasi Maritim

(KOM) merupakan ancaman yang kerap berlaku. Oleh kerana faktor pengaruh dakyah ‘Islamic State’ (IS) atau ‘Daesh’ yang berideologi ‘Salafi Extremist’ oleh militan dan penjenayah rentas sempadan di perairan timur Sabah membuka mata pihak keselamatan untuk memperkasakan tahap keselamatan di timur Sabah.

Ideologi ini dikesan mula menular di pelusuk timur Sabah yang semenjak awalnya wujud dan datang dari Selatan Filipina. Dengan sokongan pelbagai puak militan serta penjenayah seperti Abu Sayyaf Group (ASG), Bangsamoro Islamic Freedom Fighters (BIFF) dan Raja Solaiman Movement (RSM) ke arah pergerakan IS di wilayah selatan Filipina, situasi keselamatan secara menyeluruh di kawasan pantai timur Sabah dilihat perlu dipantau sebaiknya oleh pihak keselamatan Malaysia.

Konsep Pangkalan Operasi Hadapan (POH) – Pangkalan Laut

Dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan dan pertahanan di timur Sabah, ATM telah melancarkan konsep POH atau *Forward Operational Base* (FOB) melalui pengwujudan Pangkalan Laut untuk menangkis ancaman-ancaman semasa dari kumpulan militan tersebut. Tumpuan diberi kepada laluan-laluan masuk dan keluar perairan di dalam perairan wilayah di pantai timur Sabah.

Inisiatif ini secara langsung memperkuuhkan pertahanan dan keselamatan pantai timur Sabah yang memudahkan ATM melancarkan gerakan pasukan-pasukan khas untuk menangani situasi ancaman di laut sebelum kegiatan jenayah rentas sempadan membolosi daratan di pantai timur Sabah. Inisiatif ini mengambil kira faktor geografi, trend ancaman dan modus operandi militan atau penjenayah, khususnya dari Selatan Filipina.

Konsep Operasi


Konsep Pangkalan Laut yang diadaptasi oleh ATM merupakan penempatan sebuah modul statik atau Mobile Offshore Production Unit (MOPU) dan platform bergerak iaitu dua buah kapal di dalam Kawasan Operasi Maritim (KOM) di kawasan perairan pantai timur Sabah. Melalui konsep ini, aset-aset ATM di lapangan iaitu bot-bot pemintas dan ronda, pesawat tinjauan udara tanpa juruterbang dan helikopter ditempatkan di Pangkalan Laut sebagai lokasi arah gerak pasukan khas dalam menangkis ancaman yang mungkin dan akan berlaku. Pengwujudan Pangkalan Laut ini secara realistik telah mampu mengurangkan tempoh masa bertindak yang diperlukan oleh pasukan khas pada masa sama melangkaui jarak pengoperasian mereka di dalam KOM.

- Kesemua Pangkalan Laut ini juga bertindak sebagai Garrison dilaut yang beroperasi sebagai Pangkalan Logistik untuk pesawat tanpa juruterbang, helikopter, bot-bot pemintas dan bot-bot rondaan yang beroperasi di KOM.
- Buat masa ini, enam lokasi ideal telah dikenal pasti untuk menempatkan modul dan platform Pangkalan Laut ini bagi tugas pengawasan menyeluruh di KOM pantai timur Sabah.
- Berpandukan kepada senario ancaman semasa dan penilaian geostrategik, Platform MOPU telah ditempatkan di perairan Lahad Datu manakala platform kapal dioperasikan di sekitar perairan Permatang Sentry dan Pulau Banggi.
- Syarikat Utama Minyak negara iaitu Petronas Nasional Sendirian Berhad (PETRONAS), menerusi program Corporate Social Responsibility (CSR) telah menaja dan memperuntukkan sejumlah peruntukan kewangan untuk projek Pangkalan Laut ini di mana pada masa ini, dua buah Pangkalan Laut telah beroperasi iaitu PLTUN SHARIFAH ROZIAH (MOPU) and Kapal Auksiliari TUN AZIZAN (Ship-based). ATM juga telah mentauliahan sebuah lagi kapal untuk dioperasikan sebagai Pangkalan Laut iaitu BUNGA MAS 5 (Ship-based).

Peranan

Kesemua Pangkalan Laut ini berupaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab berikut:

- Pusat Kawalan Koordinasi Penguatkuasaan dan Pemintasan Platform bertindak sebagai Pusat



Lokasi Semasa Penempatan Pangkalan Laut di Perairan Timur Sabah

Kawalan Taktikal dan Koordinasi yang secara langsung dan berterusan mengkoordinasikan pelaksanaan operasi di KOM. Ia juga secara efektif bertindak sebagai pusat memantau dan melancarkan pasukan khas untuk melaksanakan pemintasan sebarang unsur permukaan laut yang dikesan memasuki perairan wilayah di KOM. Penguatkuasaan dan pemantauan di KOM mampu dilaksanakan 24 jam melalui pengawasan dan penjejakkan radar, helikopter, pesawat tinjauan tanpa juruterbang dan bot-bot pemintas.

- **Bantuan Logistik.** Pangkalan Laut mampu digunakan oleh semua aset-aset keselamatan yang diaturgerak di perairan timur Sabah. PL berupaya melaksanakan kerja-kerja pengisian minyak untuk helikopter, bot-bot pemintas dan rondaan di samping memberi bantuan sajian dan penginapan, khidmat evakuasi perubatan serta bantuan domestik. Selain itu, PL juga bertindak sebagai tambatan sehenti untuk selenggaraan bot-bot pemintasan dan rondaan yang beroperasi di KOM.
- **Postur Deterrence.** Atur gerak Pangkalan Laut di dalam KOM perairan timur Sabah memberikan impak penangkalan terhadap insiden dan kes yang bakal berlaku oleh anasir musuh. Kedudukan strategik Pangkalan Laut memudahkan pasukan khas dilancarkan dengan lebih efisien dan efektif jauh ke kawasan tumpuan berlakunya insiden.

Kelebihan Pangkalan Laut

- **Deterrence.** POH akan ditempatkan di lokasi tumpuan berlakunya insiden untuk mencapai objektif utama pengwujudannya iaitu bagi mengelakkan kes-kes berprofil tinggi seperti aktiviti militan, pelanunuran, penculikan dan sebagainya. Kehadiran PL di KOM sememangnya bertepatan dengan objektif untuk menangkal kehadiran musuh serta mengelakkan bilangan insiden dari berlaku.
- **Melepasi Jarak Jangkauan Operasi.** Konsep ini diimplementasikan seiring dengan hasrat untuk dominasi berterusan jaluran laut yang mungkin digunakan oleh anasir militan dan jenayah rentas sempadan untuk aktiviti mereka. Pengintegrasian PL dengan aset-aset berprestasi tinggi seperti helikopter, pesawat tanpa juruterbang, pengawasan radar, penggunaan bot-bot pemintasan dan rondaan serta penglibatan pasukan khas dalam memastikan pelaksanaan pelbagai operasi mampu mengekang dan mematahkan ancaman subversif tercapai.
- **Mengurangkan Tempoh Masa Bertindak.** Berasaskan trend semasa, tempoh masa bertindak merupakan salah satu faktor penyebab kegagalan pasukan khas mematah atau menggagalkan cubaan musuh/penjenayah rentas sempadan. Oleh yang

demikian, pelancaran pasukan khas dari PL dengan kesiagaan tertinggi dilihat mampu menggagalkan cubaan dan ancaman pihak musuh/penjenayah dalam tempoh masa yang singkat.

Penugasan Semasa

Sehingga kini, ATM telah mengaturgerakkan tiga buah Pangkalan Laut di perairan timur Sabah. Ketiga-tiga Pangkalan Laut ini merangkumi sebuah platform statik iaitu PANGKALAN LAUT TUN SHARIFAH RODZIAH dan dua buah platform bergerak iaitu PANGKALAN LAUT TUN AZIZAN dan PL BUNGA MAS 5. Ketiga-tiga Pangkalan Laut ini telah aktif beroperasi semenjak pertengahan 2015 dan telah memberikan impak signifikan terhadap tahap keselamatan menyeluruh KOM di perairan timur Sabah.

Pembangunan Masa Hadapan

ATM dengan kerjasama pelbagai agensi sedang merancang pembangunan beberapa buah lagi Pangkalan Laut baharu untuk beroperasi di perairan Timur Sabah. Berlandaskan analisis ancaman dan operasi-operasi yang telah terlaksana di KOM, enam buah Pangkalan Laut dinilai (sekurang-kurangnya) diperlukan untuk ATM mendominasi KOM. Untuk itu, ATM akan sentiasa bekerjasama dengan agensi berkaitan dalam merealisasikan pengwujudan tambahan tiga buah Pangkalan Laut di masa akan datang.

Kesimpulan

Dalam usaha mengukuhkan tahap keselamatan dan pertahanan di perairan timur Sabah, pengimplementasian konsep Pangkalan Laut secara holistik telah berperanan sebagai force multiplier dan secara langsung meningkatkan keupayaan ATM untuk menangani pelbagai bentuk ancaman di dalam perairan wilayah negara terutama di KOM perairan Timur Sabah.

Selain dari pencapaian dalam aspek penangkalan, penempatan pelbagai aset dan pasukan khas di lokasi-lokasi strategik akan meluaskan jangkauan operasi pada masa sama mengurangkan tempoh bertindak.

Justeru, pengimplementasian Konsep Pangkalan Laut sebagai POH mempamerkan kesungguhan dan effectivite dominasi KOM dalam mematahkan tindakan penyusupan musuh ke pantai timur Sabah. ATM akan terus memastikan kesemua tindakan terlaksana demi menjaga kedaulatan, integriti wilayah dan keselamatan perairan wilayah Malaysia.

PELUPUSAN PELURU DAN BAHAN LETUPAN

KESIAPSIAGAAN

Pelupusan secara ledakan

Pelupusan ke atas peluru dan bahan letupan adalah salah satu kaedah atau cara yang dilaksanakan oleh setiap pasukan apabila mendapat kebenaran dari pihak berkuasa tertinggi dalam satu-satu pasukan.

Kelulusan perlu melalui Lembaga Pemeriksa Am 1 (LPA 1) dan Lembaga Pemeriksa Am 2 (LPA 2). LPA 1 adalah memeriksa aset dan barang yang digunakan, menjadi rosak dan tidak ekonomi untuk dibaiki serta mempunyai nilai perolehan asal antara RM20,000.00 hingga RM100,00.00 setiap satu atau tidak melebihi RM5 juta secara agregat bagi satu pemeriksaan manakala LPA 2 ialah memeriksa aset dan barang yang digunakan menjadi rosak dan tidak ekonomi untuk dibaiki serta mempunyai nilai perolehan asal melebihi RM100,000.00 setiap satu atau melebihi RM5 juta secara agregat bagi satu pemeriksaan.

Bagi pelupusan peluru dan bahan letupan yang dikelaskan sensitif, tidak stabil dan berbahaya hendaklah dilupuskan. Dalam hal ini pasukan boleh membuat pelupusan segera dengan menubuhkan LPA yang dipengerusikan oleh pegawai ATM dan ahli-ahlinya termasuk pegawai teknik peluru (PTP) atau juruteknik peluru (JTP).

Setelah kelulusan diperolehi pelupusan peluru dan bahan letupan boleh dilakukan dengan beberapa kaedah dan cara antaranya ialah pemusnahan secara letupan, *sea dumping*, pembakaran dan dijual semula kepada pihak lain. Bagi pemusnahan secara letupan (*demolition*), peluru-peluru yang telah dikategorikan kepada kondisi 'D' akan dilupuskan di kawasan yang telah diwartakan. Bagi cara ini, peluru akan dimasukkan ke dalam lubang (*pit*) dan dipasangkan dengan bahan letupan lain dan seterusnya akan diletupkan dengan jarak yang selamat. Peluru yang diletupkan hendaklah mengikut had *Nett Explosivecontent Quantity* yang dibenarkan sahaja pada satu-satu masa.

Setelah selesai melaksanakan pelupusan dengan cara tersebut kawasan yang telah diletupkan akan diperiksa oleh anggota juruteknik peluru bagi memastikan tiada sisa atau bahan letupan lain yang tinggal atau tidak



Sea Dumping

musnah sepenuhnya. Ini bagi memastikan agar tiada perkara yang buruk berlaku di tapak pelupusan tersebut setelah ianya ditinggalkan apabila selesai kerja-kerja pelupusan dilakukan. Pada masa yang sama, segala peralatan dan baki bahan letupan yang tidak digunakan dipulangkan ke depot semula untuk penyimpanan.

Bagi pelupusan dengan kaedah *sea dumping* (dibuang ke laut) ianya mestilah dilakukan di kawasan yang telah diwartakan dan dibenarkan sahaja mengikut peraturan dan tatacara yang betul di mana ianya haruslah mendapat arahan dari CATO atau ATO.

Kaedah yang seterusnya ialah dengan cara pembakaran. Bagi cara ini, ia hanyalah dilakukan kepada jenis peluru yang bersaiz kecil seperti 9mm, 5.56mm, 7.62mm atau yang kurang dari saiz 20mm ke bawah serta dari jenis *pyro teknik* seperti contoh *Rocket Hand Fire* (RHF) dan juga peluru signal pistol. Bagi kaedah ini, tong *dram* digunakan dengan menebu lubang di keliling tong bagi peredaran wap atau gas hasil dari pembakaran tersebut. Peluru dari kategori ini boleh dibakar dengan jumlah maksimum diisi 6000 rds pada setiap tong *dram*.

Kaedah atau cara seterusnya adalah dengan cara dijual semula kepada pihak lain yang mana peluru dalam kategori ini masih lagi boleh digunakan. Tindakan pelupusan hendaklah diselesaikan dalam tempoh tiga bulan selepas kelulusan diperolehi. Bahan rujukan bagi tata cara untuk mendapat kelulusan sebelum melaksanakan pelupusan boleh dirujuk dalam Perintah Angkatan Tentera Malaysia Jilid III Bab 12 Seksyen 9 (Pemeriksaan dan Pelupusan) manakala rujukan bagi kaedah pelupusan boleh dirujuk dalam TAC 21.



Burning Small Arm

PERANAN TIM GEMPUR PASKAL

Diperakui - Tugas Pengiring Aset Penting Negara dari **KOREA SELATAN** ke **BINTULU**

Oleh: Lt Mohd Azhar bin Kamaruddin TLDM

Pada 4 Mei 16, Tim Gempur PASKAL, KD TERENGGANU dan sebuah pesawat Fennec telah diatur gerak bagi melaksanakan kawalan keselamatan serta mengiringi penundaan struktur PETRONAS iaitu PETRONAS Floating Liquefied Natural Gas Satu (PFLNG-1) dari Pelabuhan Okpo, Busan, Korea Selatan ke kawasan carigali Kanowit-A, Bintulu Sarawak.

Proses penundaan sejauh 2120 batu nautika tersebut telah bermula pada 14 Mei 16 apabila struktur tersebut meninggalkan *Daewoo Shipbuilding & Marine Engineering Co. Ltd. (DSME) Shipyard*, seterusnya ditarik menggunakan dua buah kapal tunda. KD TERENGGANU dan Pesawat Fennec dari Skn 502, Markas Udara TLDM telah memberikan bantuan penempatan serta sajian yang sewajarnya kepada Tim Gempur PASKAL dalam melaksanakan tugas operasi yang telah diarahkan.

PFLNG-1 merupakan struktur memproses gas asli cecair terapung yang pertama dibangunkan di dunia. Dirangka dan dibina oleh Syarikat PETRONAS Sdn. Bhd. pada tahun 2013 dan ditauliahkan pada tahun 2015 dengan panjang menjangkau 365m, lebar 33m, tinggi 60m dan berat dengan muatan sebanyak 125,000 tan. Majlis penamaan struktur sebagai PFLNG-1 telah dilaksanakan pada awal tahun 2016.

Bagi tim PASKAL, operasi tersebut merupakan satu pengalaman yang amat berharga kerana aset milik PETRONAS tersebut merupakan penyumbang besar kepada pendapatan negara iaitu mampu mengeluarkan sebanyak 1.2 juta tan metrik gas asli setahun dan dapat bertahan selama 20 tahun dalam sektor cari gali serta pemprosesan cecair gas asli. Tim PASKAL merupakan anggota keselamatan utama yang berada di atas struktur tersebut bersama senjata dan kelengkapan peribadi bagi menangani sebarang ancaman seperti rompakan dan aktiviti perlanunan. Kawalan keselamatan 24/7 merupakan tugas penting yang perlu digalas bagi memastikan struktur dan krew PFLNG-1 seramai 145 orang selamat tiba ke destinasi.

Setelah 16 hari penundaan, struktur akhirnya selamat tiba di perairan Bintulu, Sarawak pada 30 Mei 2016. *Offshore Installation Manager* (OIM), Kepten Ikhwan sebagai wakil PETRONAS menzahirkan rasa syukur serta berterima kasih kepada PASKAL khasnya dan TLDM amnya kerana telah turut sama menjayakan kerja-kerja penundaan tersebut.



PAT RASMI **MALINDO DARSASA** 9AB/2016

Oleh: Sekretariat EX-MALINDO
Foto: Sel Komunikasi Strategik MWL 1

Tanjung Gelang, 27 Jul 16- Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Hj Zulkifeli Mohd Zin telah merasmikan Upacara Pembukaan Eksesais Latihan Gabungan Bersama Malaysia-Indonesia Darat Samudera Angkasa (LATGABMA MALINDO DARSASA) 9AB/2016 di Markas Wilayah Laut 1 (MAWILLA 1) pada 27 Jul 16.

Tentera Nasional Indonesia (TNI) diwakili oleh Kepala Staf Umum TNI, Yang Terhormat Laksamana Madya TNI Didit Herdiawan.

LATGABMA MALINDO DARSASA 9AB/2016 diadakan bersama Tentera Nasional Indonesia mulai 21 Julai sehingga 3 Ogos 2016. Eksesais yang diadakan tiga tahun sekali bergilir-gilir dengan Indonesia pada kali ini berkonsepkan *Humanitarian Assistance and Disaster Relief* (HADR) dengan tujuan utama sebagai

implementasi strategi menangani bencana untuk menghadapi kemungkinan terjadinya ancaman bencana alam di wilayah Malaysia dan Indonesia. Selain itu eksesais ini juga bertujuan untuk mengetahui sejauh mana persediaan angkatan tentera dari kedua-dua negara untuk melaksanakan kerjasama dalam operasi mengatasi bencana.

Secara Keseluruhan Seramai 1844 pegawai dan anggota di mana penglibatan dari ATM (1281), PDRM (50) dan TNI (513) terlibat di dalam eksesais ini. Antara aset-aset yang terlibat melibatkan Malaysia adalah seperti KD MAHAWANGSA, KD TERENGGANU, KD PERDANA, Helikopter Super Lynx, Helikopter Nuri, Bot Tempur CB 90, Heavy Raft dan Hospital Medan serta Canine (Bas perkhidmatan pergigian). Manakala dari TNI adalah KRI BANDA ACHEH, Kenderaan NUBIKA, Helikopter Super Puma, Helikopter Bell, Landing Craft Utility (LCU) dan Landing Craft Vehicle Personnel (LCVP).

Turut hadir Panglima Tentera Darat, Timbalan Panglima Tentera laut, Panglima Angkatan Bersama, Commissioner Polis Diraja Malaysia, Panglima Wilayah Laut 1 serta pegawai-pegawai tertinggi ATM dan TNI.



EKS TABLE TOP TLI

Oleh: Lt Kdr Segar a/l Muniandy TLDM
Pegawai Staf Penyelidikan dan Pembangunan, PUSTAKMAR

Sebanyak tiga buah kapal Tentera Laut India (TLI) telah mengadakan lawatan operasi ke Malaysia pada 15 hingga 19 Jul 16. Kapal tersebut adalah INS KIRCH, INS SHAKTI dan INS SAHYADRI dan telah bertambat di Pelabuhan Klang.

Sempena lawatan operasi tersebut, PUSTAKMAR julung kalinya telah diberi mandat untuk melaksanakan eksesais *Table Top* (TTX) antara TLI dan TLDM. TTX yang dilaksanakan berkonsepkan senario *Humanitarian Assistance and Disaster Relief* (HADR). *Table Top* ini telah dilaksanakan pada 18 Jul 16 di Bilik Taklimat, PUSTAKMAR. Objektif utama eksesais ini adalah untuk mengenal pasti kaedah operasi bersama di antara kedua-dua Angkatan Laut dalam melaksanakan misi HADR sebagai respon dalam menghadapi sebarang bencana alam.

Delegasi TLI diketuai oleh Rear Admiral AV Bokhare, Flag Officer Comanding Eastern Fleet. Turut menyertai beliau adalah Pegawai Memerintah Kapal INS KIRCH, INS Shakti dan INS SAHYADRI serta pegawai-pegawai operasi kapal berkenaan seramai 20 orang. Manakala bagi TLDM, Pegawai Memerintah Kapal dan 15 orang pegawai operasi turut serta menghadiri eksesais tersebut.

Eksesais tersebut dimulakan dengan Upacara Pembukaan oleh Timbalan Panglima Armada Laksma Abu Bakar bin Mohd Ajis. Seterusnya eksesais bermula dengan taklimat keselamatan oleh Pegawai Staf PUSTAKMAR dan taklimat senario eksesais. Senario yang digunakan berkisar kepada aktiviti perkapalan di Selat Melaka yang merupakan laluan strategik *Sea Lines of Communication* (SLOC). Industri pelancongan maritim berkembang pesat susulan kelemahan matawang Malaysia. Justeru syarikat perkapalan seperti The Star Cruise menggunakan laluan Selat Melaka dengan lebih kerap. Pada 18 Jul 16, Kapal Star Cruise Libra telah terkandas 5 batu nautika Pulau Pangkor. Kapal tersebut membawa 1300 penumpang dari pelbagai negara. Pada masa yang sama kapal TLI dalam pelayaran ke Pelabuhan Klang bagi lawatan operasi dan telah menjawab *distress call* daripada Star Cruise Libra. *Maritime Rescue Coordination Centre* (MRCC) yang beroperasi di Putrajaya telah menerima panggilan daripada Syarikat perkapalan tersebut dan seterusnya meminta bantuan daripada Markas Tentera Laut.

bersama TLDM di PUSTAKMAR



Sesi Perbincangan diketuai oleh KPSO Markas Pemerintahan Armada



Para peserta melaksanakan *table top* eksesais

Tim HADR dari kedua-dua angkatan laut berkumpul di Bilik Operasi (Bilik Taklimat) PUSTAKMAR bagi membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi menyelamatkan krew Star Cruise Libra secara bersama. Eksesais dimulakan dengan pembentangan senario oleh Ketua Pegawai Staf Operasi Markas Pemerintahan Armada dan disusuli dengan taklimat menyeluruh prosedur HADR oleh Tim TLDM. Kedua-dua angkatan laut diberi peluang untuk memberi taklimat berkenaan *capabilities & limitations* aset-aset yang akan diaturgerak sesuai dengan misi HADR. Seterusnya perbincangan secara terperinci dilakukan secara bersama merangkumi perintah dan kawalan, organisasi HADR secara bersama, keperluan aset, komunikasi, tim selam, bantuan logistik serta litupan media (media coverage). Pada akhir perbincangan, taklimat operasi HADR dilaksanakan di Auditorium Zain, PUSTAKMAR.

Secara kesimpulannya, eksesais ini telah memberi banyak manfaat serta memberi peluang kepada kedua-dua angkatan laut bertukar pandangan serta pengalaman berkaitan operasi HADR. Di akhir eksesais kedua-dua pihak telah bertukar cenderamata dan bergambar kenangan bagi mengabadikan detik bersejarah di dalam hubungan dua hala di antara TLDM dan TLI.



Gambar kenangan bersama pegawai dan anggota yang telah terlibat dalam menjayakan Eksesais CARAT

EKSESAIS COOPERATION AFLOAT READINESS AND TRAINING (CARAT) 2016

Oleh: Lt Muhammad Wafiy bin Nordin TLDM, KD SRI SEMPORNA

Pada 30 Mei hingga 3 Jun 2016 bertempat di Kampung Tanduo, KD SRI SEMPORNA telah menugaskan satu tim anggota Pasukan Khas Laut (PASKAL) bagi menyertai Eksesais "Cooperation Afloat Readiness and Training" (CARAT). Eksesais CARAT merupakan latihan gabungan dan bersama yang melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), United States Navy (USN) serta elemen United States Marine Corps (USMC).

Eksesais ini sekali lagi telah membuktikan kerjasama dua hala yang baik melalui perkongsian ilmu, dan komunikasi serta koordinasi yang sempurna sepanjang fasa perancangan dan perlaksanaan. Ia juga menjadi penanda aras kepada ATM di dalam menyiapsiagakan angkatan yang

kredibel dan mampan di dalam menangani situasi ancaman semasa dan masa hadapan. Eksesais ini juga secara tidak langsung dapat megukuhkan 'Show of Force' TLDM bagi mempertingkatkan aspek keselamatan di Sabah Timur.

Dalam kenyataan tidak rasmi, peserta eksesais kedua-dua negara secara umumnya menyatakan rasa berbangga dan berpuas hati dapat menyertai latihan ini. Bagi meneruskan kesinambungan kerjasama dua hala latihan seperti ini perlu dilaksanakan secara berterusan padan masa akan datang disamping mengukuhkan lagi keupayaan pertahanan kedua-dua negara.



Eksesais CARAT memastikan tahap kesiagaan anggota PASKAL sentiasa berada di tahap yang tertinggi bagi memastikan kedaulatan negara terpelihara



Kerjasama yang erat dari PASKAL dan USN dan USMC khususnya membolehkan Eksesais CARAT dijalankan dengan jayanya



Markas Wilayah Laut 1 – Eksesais (Eks) *Pacific Partnerships* 2016 (PP16) menjadikan Markas Wilayah Laut 1 (MAWILLA 1) sebagai Pangkalan TLDM pilihan oleh pengurusan tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kerana kemudahan prasarana yang lengkap serta mampu mencapai objektif latihan yang julung kalinya diadakan di Malaysia.

Eksesais dua hala antara Tentera Laut Amerika Syarikat (TLAS) dan ATM anjuran USPACFLT melibatkan sebuah kapal Hospital TLAS MERCY. Eksesais ini dilaksanakan serentak dengan *Asia Pacific Military Health Exchange* 2016 (APMHE 16) anjuran USPACOM di Hotel Zenith dan dirasmikan oleh Panglima Angkatan Tentera, YBhg Tan Sri Dato' Sri (Dr) Hj. Zulkefli Mohd Zin.

EX PACIFIC PARTNERSHIP 2016 Kongsi



Objektif utama eksesais yang berlangsung selama dua minggu mulai 1 hingga 14 Ogos 16 ini bagi mengukuhkan hubungan dan jalinan komunikasi antara negara serantau, meningkatkan kerjasama antara negara serantau dalam menangani isu HADR, meningkatkan keupayaan dan daya tahan negara serantau bagi menghadapi kesan serta impak dari bencana alam, meningkatkan keupayaan tindak balas oleh negara serantau dalam isu bencana alam serta meningkatkan komitmen oleh negara terlibat dalam isu keselamatan dan kestabilan di rantau Asia Pasifik.

YB Menteri Pertahanan Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein diiringi Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Hj. Ahmad Badaruddin turut melawat lokasi eksesais disusuli Lawatan YB Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohd Johari Baharum ke kapal TLAS MERCY memberikan impak yang tinggi dalam eksesais PP16. Ini kerana bukan sahaja TLAS memperkenalkan peralatan perubatan yang serba canggih dan terkini yang terdapat di kapal TLAS MERCY, bahkan ia juga membuktikan keupayaan doktor dari Kor Kesihatan Diraja ATM dan Kementerian Kesihatan Malaysia

yang mampu mengendalikan peralatan tersebut dengan baik sekali seterusnya berpeluang merawat pesakit di atas kapal TLAS MERCY.

Beberapa agensi kerajaan dan intitusi pengajian tinggi di negeri Pahang turut terlibat bagi menjayakan program-program *MEDCAP* yang dirancang seperti Hospital Tuanku Ampuan Afzan (HTAA), Pejabat Kesihatan Negeri Pahang, Universiti Islam Anatarabangsa Malaysia (UIAM) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang. Sekolah Kebangsaan Wira, Jalan Panching dan Tadika Kemas Felda, Kg Bukit Kuantan terpilih bagi menjayakan aktiviti baik pulih prasarana sekolah yang telah rosak menerusi program (*ENCAP*).

Aktiviti kemasyarakatan tidak terlepas dari pandangan pengurusan ATM kerana beberapa aktiviti COMREL turut disenaraikan di dalam atur cara program yang dirancang di Pantai Teluk Chempedak, pekarangan Berjaya Mega Mall Kuantan, Rumah Pusat Penjagaan Orang Tua dan Rumah Anak Miskin D'nasti dipilih bagi menjayakan beberapa program derma darah dan aktiviti kemasyarakatan serta persesembahan kumpulan muzik.



KEPAKARAN dan TEKNOLOGI ATM – TLAS



Panglima Wilayah Laut 1, Laksamana Muda Dato' Azhari Abdul Rashid beranggapan bahawa seluruh warga MAWILLA 1 bertuah kerana eksesais julung kali diadakan di Malaysia ini memberi pengalaman yang amat berharga dalam mengendalikan eksesais berskala besar. Seawal sebulan sebelum pelaksanaan Eks PP16, pelbagai persiapan tempat dan beberapa siri mesyuarat telah berlangsung serta lawatan tapak dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaan Eks PP16 berjalan lancar. Sel Perhubungan Raya Mawilla 1 (STUDIONE) bersama Sel Perhubungan Raya Markas ATM telah mengembeleng masa dan tenaga untuk memastikan Eks PP16 ini mendapat liputan meluas media cetak dan elektronik tempatan. Ini dibuktikan melalui berita Eks PP16 ini di dada akhbar tempatan dan media elektronik, Twitter dan Portal Rasmi TLDM seterusnya masyarakat Malaysia dapat mengikuti setiap perkembangan semasa Eks PP16 dari semasa ke semasa.

Latihan carilamat oleh kapal TLAS MERCY yang melibatkan aset TLDM, KD TERENGGANU dan CB102 dari MAWILLA 1 dibantu sebuah helikopter AS365 Dauphin berpangkalan di Putrajaya milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia APMM

menterjemahkan kerjasama agensi penguatkuasa perairan Malaysia sentiasa komited dalam melaksanakan misi bantuan kemanusiaan serta operasi bersama. Kemuncak latihan carilamat bagi Eks PP16 dilaksanakan di perairan Kuantan 6 batu nautika dari Tanjung Gelang sebelum kapal TLAS MERCY meneruskan pelayaran ke Padang Indonesia.



Penyelaku di KD PELANDOK Pemangkin Tahap Kompetensi dan Kemahiran *The Navy People*

Oleh: Lt Fazlan Fahme bin Puzi TLDM, MPPL TLDM
Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan TLDM

Modal insan yang berkualiti merupakan aset terpenting kepada TLDM dalam memastikan setiap agenda yang dirancang dapat dilaksanakan sepenuhnya. Pendidikan dan Latihan merupakan wadah utama dalam melahirkan *the Navy People* yang berilmu, progresif, dinamik serta berdaya saing.

Selaras dengan pmodenan aset tempur dan aset sokongan TLDM masa kini, segenap lapisan *the Navy People* harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam mengendalikan peralatan maupun sistem yang serba moden ini. Menyedari akan perkara ini, TLDM telah mengambil langkah strategik dan proaktif dengan mewujudkan Penyelaku yang direka khas dengan mengadaptasikan bidang tugas dan tanggungjawab kerja di lapangan sebenar.




Selain itu, mampu menjimatkan kos dan perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh pihak kerajaan. Latihan praktikal di lapangan sebenar memerlukan bajet yang besar berbanding latihan di Penyelaku. Di samping itu, Penyelaku berkeupayaan mengelakkan berlakunya sebarang kemalangan dan kerosakan aset disebabkan kesilapan dan kecuaian yang dilakukan oleh pelatih.

Penyelaku Anjungan (WASPADA)

WASPADA merupakan salah satu fasilitas latihan yang terletak di KD PELANDOK. Yang ber fungsi sebagai *platform* dan kemudahan latihan simulator bagi kapal-kapal TLDM, pusat latihan, unit pangkalan serta agensi-agensi kerajaan lain. Latihan yang dititikberatkan adalah latihan Navigasi dan Maritim di antaranya seperti Persediaan ke Laut, Panduarah Terang dan Gelap, Melalui Laluan Bebas Periuk Api dan Bersauh. Sebelum memulakan latihan, terlebih dahulu pelatih akan diberikan penerangan dan juga pengetahuan tentang prosedur-prosedur yang dititik beratkan oleh TLDM bagi memastikan tiada sebarang insiden-insiden yang tidak diingini berlaku. Latihan ini melibatkan pegawai dan anggota TLDM yang bertujuan bagi memahirkan dan meningkat kompetensi dalam pengendalian kapal.

Penyelaku TANGKAS

TANGKAS merupakan pusat latihan yang memfokuskan kepada Mengawal Kerosakan dan Melawan Api atau *Damage Control and Fire Fighting* (DCFF). Ilmu berkaitan DCFF merupakan kemahiran wajib yang perlu diketahui oleh semua warga TLDM bagi memastikan warganya sentiasa berwaspada dan tangkas dalam menghadapi cabaran peperangan yang konvensional dan non-konvensional di laut. Fasiliti TANGKAS terdiri daripada dua penyelaku utama iaitu *Damage Control Training Unit* (DCTU) dan *Fire Fighting Training Unit* (FFTU). Kedua-dua penyelaku ini dibina dengan kemampuan menghasilkan senario latihan yang lebih realistik dan mampu menampung 20 - 25 pelatih dalam satu masa. Selain dari melatih warga TLDM, agensi-agensi lain juga turut mendapatkan latihan ini kerana TANGKAS merupakan satu-satunya penyelaku seumpamanya di Malaysia dan antara yang tercanggih di rantau Asia.



Penyelaku Fleetwork Trainer

Penyelaku *Fleetwork Trainer* (FWT) telah dibangunkan pada tahun 1980an. Kerja-kerja menaik taraf FWT telah bermula pada 9 Apr 12 dan beroperasi 16 Okt 12. Objektif FWT adalah untuk melatih anggota komunikasi taktikal dan pegawai muda sebelum bertugas di kapal selain memberi persekitaran latihan yang lebih kondusif bagi menjimatkan kos latihan. Selain itu, latihan ini mengekalkan kemahiran dan kualiti anggota komunikasi taktikal. Latihan ini sebagai persediaan sebelum kapal menjalani latihan sebenar di Laut untuk Eksesais mahupun Operasi. Sistem Simulator FWT ini tidak tertumpu kepada latihan anggota komunikasi sahaja malah Kemudahan ini terbuka dan sering digunakan oleh Markas Pemerintahan Armada bagi Latihan Armada serta Latihan Skuadron Kapal. Simulator dilengkapi dengan sebuah konsol jurulatih dan sepuluh konsol pelatih sebagai platform kapal – kapal TLDM semasa dan kapal komersial, semua evolusi-evolusi di laut dapat dilaksanakan dengan paparan 2D dan 3D melainkan evolusi penembakan.

Bangunan Penyelaku Marin

Bangunan Penyelaku Marin meliputi Bangunan Propulsion Simulator (BPS) dan Bangunan Ujian Jentera (BUJ) yang mula beroperasi pada 5 Jun 14. Bangunan Penyelaku Marin ini menempatkan *Medium Speed Engine Room Simulator* (MSERS). Ianya merupakan *simulator* jentera bagi sesebuah kapal yang digunakan sebagai alat bantuan mengajar dalam kepakaran teknikal. MSERS terdiri daripada *Computer Base Training* (CBT) dan *Machinery Control Engine Console Simulator*. CBT ini terdiri daripada komputer set untuk pembelajaran teori kejuruteraan jentera secara elektronik dinamakan *Computer Base Training* (CBT) dan *Ship Safety and Security Training* (SST) untuk keselamatan, kebakaran dan kebanjiran kapal. Makmal CBT digunakan untuk pembelajaran teori berkonsepkan *E-Learning* dan *Virtual Practical* yang digunakan untuk latihan praktikal dalam kapal secara individu atau berkumpulan yang berkonsepkan avatar. Latihan di makmal CBT Virtual iaitu *Ship Security Training 7 Lab* lebih menumpukan kepada keselamatan semasa di dalam kapal terutama kaedah memadam kebakaran. Manakala *Simulator Engine control* pula digunakan untuk melaksanakan pembelajaran secara kumpulan dan individu.

Penyelaku TEPAT

Penyelaku TEPAT (Small Arm Simulator) mula dibina pada awal tahun 2012 dan mula beroperasi sepenuhnya pada Januari 2014. Penyelaku yang menggunakan *Laser Marksmanship Training System* ini digunakan untuk pembelajaran asas tatacara penembakan mengikut prosedur yang ditetapkan. TEPAT mempunyai dua bahagian yang digunakan untuk latihan oleh atlet Persatuan Menembak TLDM dan pelatih. Kedudukan penembak yang selalu dipraktikkan di TEPAT adalah berdiri, melutut, dan meniarap. Senjata yang digunakan untuk pembelajaran asas penembakan adalah M4 Carbine, Glock 17 dan SP 1 Vector. Jarak sasaran dari kedudukan penembak adalah di dalam linkungan 25 meter ke 600 meter. Kesemua sasaran ini boleh dilihat melalui lima skrin yang disediakan.

Radar systems have become indispensable for both military and civilian users in a multitude of different applications. The basic principle of radar is simple, but modern radars have become increasingly complex and diverse. Both traditional pulsed radars and continuous wave (CW) radars are becoming more widespread – from relatively simple mechanically scanning navigation radars to complex multifunction electronically scanning radars that offer simultaneous search, acquisition and tracking functions.

It is possible to automatically intercept radar signals and identify the corresponding platform or weapon system. Radar electronic support measures (RESM) provide early warning alerts and contribute to the situational picture and platform protection. RESM systems fundamentally, intercept radar signals and compare with an emitter library, which is a product of ELINT.

RADAR SIGNAL INTERCEPTION MOVES INTO THE DIGITAL AGE INNOVATIVE ELINT SOLUTION

By: Rohde & Schwarz

Anyone who has experience in this field will attest to the fact that an RESM system is only as good as its database, and the database can only be as good as the ELINT data that was used to create it. Therefore the accuracy and quality of this ELINT data is integral to the protection of frontline assets and personnel.

Today's missions calls for intelligent systems that can handle modern radar emissions. These systems must have the highest sensitivity as well as able to record and analyze wide bandwidths. In addition, they need to be adaptive, multifunctional and operate on any platform in any environment, yet small, lightweight, consume little power and able to support operators throughout the entire process.

The Rohde & Schwarz ELINT system

The Rohde & Schwarz ELINT system is designed with focus on operator usability and functionality. Devices and system software have been developed in parallel and thus complement each other with many features that support the operator in dense signal environments. This parallel hardware/software development also enables integrated data management and provides a smooth

The modern radar environment

Radar analysis has never been simple, but with the modern radars getting more complex and are rarely a single-frequency, single-mode device, it is an impossible task for legacy radar analysis systems. Each individual radar has many different forms and profiles. There are multimode and multifunction radars that uses complex pulse modulation and frequency agility, all of which is software defined and therefore reprogrammable. Such radars are easy to detect, but incredibly difficult to fully characterize. There are low probability of intercept (LPI) radars that are just plain difficult to even detect, some intentionally, some by the nature of their design. And then there are powerful legacy systems that use decades-old VHF/UHF technology which cannot be detected by modern systems.


workflow throughout the entire system. The system software controls all devices and contains intuitive operator-friendly GUIs.

The system is designed for efficient operation in complex signal scenarios, facilitating multichannel tasks in dense signal environments.

Our solution also includes an integrated operator radar database, allowing the ELINT operator to build up a radar database or complement an existing database during their mission. Rohde & Schwarz offers a tried and tested system from a single supplier. The payload solution has been deployed to mission critical operational areas with exceptional results.

Rohde & Schwarz experience

The radar signal collection and analysis system was designed and developed by a team of developers and former operators/analysts. This ideal combination of experience and innovation ensures that the radar signal collection and analysis system provides the best solutions for collecting the pulsed, CW and complex signals found in the modern radar environment.





GENTING ETIKA SENDIRIAN BERHAD (GESB) (562032-T) Established in Malaysia on 18th October 2001. GESB's core business entails activities related to the provision of technical support to the Royal Malaysian Navy (RMN) and other government agencies through the conduct of preventive and corrective maintenance and supply of defense 's electronic systems and equipment.

To meet the demands for the availability of a high level of expertise and ample infrastructures in the Defense Industry, GESB has embarked on the quest of co-operating with international Original Equipment Manufacturers (OEM) that would



Our Services

- Electronic Engineering Support services
- Installation & Commissioning of Electronic Equipment & System
- Defense Electronics Related Work
- Supply of Electronic Equipments
- Supply of Ships spare parts & Equipment



Installation, Testing, Integration, Commissioning, Training, Maintenance and Repairs of a wide variety of Naval Defence Electronics and Weapon Systems as follows:

- **Electronic Support Measure Systems**
- **Mine-hunting Systems**
- **Sonars and Underwater System**
- **Link-Y Systems**
- **Oto Melara guns (mechanical & electronics)**
- **Tetrapol Land-based Communication Systems**
- **ASELSAN—Remote Controlled Stabilized Naval Gun System**

Our Capability And Competency

OUR VISSION

To Be a Top-Quality, Capable and Competitive Company in The Maritime Sector Specifically in the Field of Engineering Services and Equipment Provider

provide the support to GESB. To name, just a few, GESB works closely with Thales Airborne System (TAS), Thales Nederland, Thales Underwater Systems, EADS and ASELSAN of Turkey.

Our Mission

To Supply Quality Engineering Equipment to the Customer

To Provide and Perform Engineering services that satisfies the Customers needs

To Develop Human Resources and Facilities that will enhance the Company Capabilities

SISTEM ePEMBELAJARAN TLDM 2.0

Lebih Dinamik dan Mesra Pengguna

Oleh: Lt Fazlan Fahme bin Puzi TLDM

Majlis Pelancaran Sistem ePembelajaran TLDM 2.0 telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Hj Ahmad Badaruddin bertempat di Auditorium KEMENTAH pada 9 September 2016. Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Pertahanan, Dato' Mohd Zainy bin Mohamed Zain yang mewakili Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan turut hadir di dalam majlis ini. Panglima-panglima Formasi dan seluruh warga TLDM di semua Pangkalan TLDM turut serta menyaksikan majlis yang bersejarah ini secara langsung menggunakan sidang video Sistem P4.

Sistem ePembelajaran TLDM 2.0 merupakan sistem yang ditambah baik daripada Sistem ePembelajaran TLDM 1.0 sedia ada yang telah dilancarkan pada tahun 2003 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohammad Najib Tun Abdul Razak yang ketika itu menjawat jawatan sebagai Menteri Pertahanan dalam menyahut seruan kerajaan ke arah menjayakan Koridor Raya Multimedia.

Sistem ePembelajaran TLDM 1.0 merupakan pembelajaran atas talian menggunakan rangkaian capaian

Panglima Tentera Laut dan Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Menandatangani Paparan Interaktif Sebagai Simbolik Pelancaran

MAJLIS PELANCARAN
SISTEM ePEMBELAJARAN TLDM 2.0

Ucapan Oleh

YBHG LAKSAMANA TAN SRI AHMAD KAMARULZAMAN HJ AHMAD BADARUDDIN
PANGGAMA TENTERA LAUT

Ucapan Pelancaran oleh Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut yang turut diiringi oleh Panglima Pendidikan dan Latihan, Laksamana Muda Dato' Pahlawan Mior Rosdi bin Dato' Mior Mohd Jaafar

tertutup (TLDMNet) yang hanya boleh diakses di Makmal Komputer.

Sistem ini mengandungi lima modul pembelajaran iaitu Navigasi, Asas Kejuruteraan, Bahasa Inggeris, Ilmu Kelautan serta *Leadership and Decision Making*. Mengambil kira perkembangan teknologi yang berkembang pesat dan kekurangan sistem ini, TLDM telah mengambil inisiatif membangunkan Sistem e-Pembelajaran TLDM 2.0 yang lebih dinamik dan mesra pengguna.

Sistem ePembelajaran TLDM 2.0 telah dibangunkan bersama rakan strategik Universiti Antarabangsa UNITAR (UNITAR) dengan mentrasformasikan capaian daripada Rangkaian Tertutup (TLDMNet) kepada Rangkaian Terbuka. Penambahbaikan terhadap Paparan Pengguna (User Interface) dengan lebih interaktif dan mesra pengguna (User Friendly) serta mewujudkan pembelajaran alam maya yang lebih menarik dengan berkonsepkan 'Di Sebilangan Waktu, Di Mana Sahaja, Di Hujung Jari Anytime, Anywhere, At Fingertips'. Umumnya, sistem ini boleh digunakan oleh warga TLDM yang menjalani latihan atau kursus di Pusat Latihan TLDM iaitu KD PELANDOK, KD SULTAN IDRIS PERTAMA, KD SULTAN ISMAIL, dan Pusat Kepimpinan TLDM.

Pelancaran Sistem ePembelajaran TLDM 2.0 ini membuktikan TLDM sentiasa komited dalam membangunkan modal insan yang kompeten dengan penggunaan teknologi semasa bagi menyokong Program 15 ke 5 TLDM. Melalui inisiatif ini, penjimatan berkesan (efficiency savings) dapat dicapai di mana jumlah waktu warga TLDM meninggalkan tempat kerja untuk berada di kelas berkursus dapat dikurangkan untuk permulaan ini sebanyak 60% pembelajaran akan dilaksanakan secara online dengan sasaran di masa akan



MAJLIS PELANCARAN
SISTEM ePEMBELAJARAN TLDM 2.0



Sesi Bergambar Kenangan Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut Bersama Jawatankuasa Pusat ePembelajaran TLDM dan Pihak Pengurusan Universiti Antarabangsa UNITAR (UNITAR)



Demonstrasi Sistem ePembelajaran TLDM 2.0 Kepada Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut

datang sebanyak 80%. Sistem ePembelajaran TLDM 2.0 ini juga akan menjimatkan penugasan dan bebanan jurulatih kerana pelatih boleh mengulangi pembelajaran (repetitive learning) 'Di sebilangan waktu, Di mana sahaja, Di hujung jari' dengan kos yang minimum.

Pembelajaran boleh diakses dengan menggunakan peralatan *Information Communication Technology* (ICT) peribadi seperti komputer riba, Tablet maupun Smart Phone melalui perkhidmatan Internet Jalur Lebar Bersepadu secara percuma yang terdapat di pangkalan-pangkalan TLDM. Bagi memastikan pelatih-pelatih yang tidak mempunyai peralatan ICT mendapat manfaat sepenuhnya sistem ini, TLDM akan menyediakan kemudahan melalui komputer di blok-blok penginapan pelatih supaya mereka boleh belajar di luar waktu kerja.


Kemudahan Sistem ePembelajaran ini akan memudahkan pelatih untuk membuat rujukan dan mengulangkaji pelajaran tanpa batasan serta meningkatkan kefahaman dan menanam minat pelatih dalam meningkatkan ilmu pengetahuan berdasarkan bahan-bahan pembelajarannya yang berbentuk interaktif dan menarik. Sistem ePembelajaran TLDM 2.0 yang bersifat interaktif ini memberi ruang kepada Jurulatih untuk menghasilkan Video *Production* modul kelas berdasarkan kreativiti tersendiri. Video pembelajaran yang dihasilkan ini memberi gambaran seolah-olah Jurulatih sedang berinteraksi bersama pelatih di dalam kelas sebenar. Di samping itu, ia juga diperlengkapkan dengan aplikasi jaringan komunikasi di antara jurulatih dan pelatih seperti Forum dan Paparan Informasi. Jurulatih juga berupaya melakukan penilaian atas talian seperti kuiz dan pemantauan kemajuan pembelajaran setiap pelatih dengan mudah.

TLDM telah mewujudkan Pusat ePembelajaran (PeP) yang diketuai oleh Kdr Nur Hidayah Dayana@Jai Malar bt Abdullah TLDM selaku Ketua Tim Projek yang bertanggungjawab terus kepada Panglima Pendidikan dan Latihan TLDM. Keanggotaan tim terdiri daripada Pegawai-Pegawai TLDM yang berkemahiran dalam ICT, Training Design serta *Subject Matter Expert* (SME) daripada cawangan Eksekutif, Kejuruteraan dan Bekalan. PeP bertanggungjawab membangunkan bahan pembelajaran dan pembangunan sistem seterusnya untuk kemudahan masa akan datang.


Langkah proaktif TLDM mempertingkatkan Sistem ePembelajaran TLDM 2.0 ini merupakan salah satu inisiatif pemodenan TLDM untuk melahirkan warga TLDM yang berilmu tinggi, progresif, dinamik dan berdaya saing dalam mencapai visinya untuk 'Menjadi Tentera Laut Bertaraf Dunia'.



Laman Web Rasmi Sistem ePembelajaran TLDM 2.0 Yang Boleh Dilayari Melalui rmnetdc.navy.mil.my



Sistem ePembelajaran TLDM 2.0 bersifat interaktif di antaranya pembelajaran menggunakan video, aplikasi jaringan komunikasi seperti Forum, Chatting, Paparan Informasi, penilaian atas talian iaitu kuiz serta pemantauan kemajuan pembelajaran setiap pelatih dengan mudah.



Sistem ePembelajaran TLDM 2.0 berupaya memuat naik dan memuat turun pelbagai bahan pembelajaran (Courseware) dengan mudah dan cepat

HARI INI DALAM SEJARAH

PEMBINAAN MODUL TLDM DI TERUMBU LAYANG-LAYANG

Pada hari ini dalam tahun 1983, kerja-kerja pembinaan modul awal TLDM di Terumbu Layang-Layang telah siap dibina. Modul berkenaan berperanan sebagai penempatan Pasukan Khas Laut (PASKAL) TLDM. Sejarah penempatan TLDM di sekitar perairan Spratly bermula berikutan pengisytiharan perairan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia (ZEE) pada 20 September 1979. Kabinet telah mengarahkan agar kajian dilakukan untuk mendirikan tugu dan penempatan di beberapa buah terumbu batu karang yang berada dalam lingkungan ZEE Malaysia bagi mengukuhkan tuntutan Malaysia di Perairan Spratly. Melalui keputusan dan arahan kabinet, kajian terperinci telah dilakukan oleh Rejimen Jurutera Tentera Darat yang mendapati sebahagian sahaja terumbu berada dalam kawasan ZEE yang sesuai untuk didirikan tugu sebagai penanda dan penempatan.

Antaranya ialah Terumbu Layang-Layang (Stesen LIMA TLDM) yang kini lebih dikenali sebagai Pulau Layang-Layang. Pembinaan tugu di terumbu tersebut telah bermula pada 21 Jun 1980, manakala pendaratan pertama oleh sepasukan 10 orang anggota PASKAL yang diketuai oleh Lt Johari Ramzan bin Hj Ahmad TLDM pada 3 Mei 1983 menerusi KD MUTIARA. Ketika itu, masih tidak terdapat sebarang infrastruktur di situ.


Peristiwa: 9 Mei 1944 (Selasa)

PENYERTAAN ANGGOTA MALAY NAVY DALAM PASUKAN OFFICE OF STRATEGIC SERVICE 404 (OSS 404)

Pada hari ini dalam tahun 1944, pasukan *Office of Strategic Service* 404 (OSS 404) mula melatih rekrutnya di Colombo dan seramai 10 orang anggota pasukan *Malay Navy* telah menyertainya. Pasukan ini merupakan sebuah pasukan yang sama matlamatnya dengan pasukan *Force 136*. Ia telah ditubuhkan oleh

MEI

Peristiwa: 15 Mei 1983 (Ahad)



Penempatan awal TLDM di Terumbu Layang-Layang

tentera Amerika Syarikat di bawah arahan Presiden Franklin Roosevelt. Pasukan ini dikenali dengan nama OSS 404 (*OSS* bermaksud *Office of Strategic Service*) dan pemerintah pertamanya ialah Kolonel William J. Wild Bill Donovan.

Walau bagaimanapun, hanya Able Seaman Johari bin Mohd Amin, Able Seaman Awang bin Salleh dan Able Seaman Sharif bin Mahmud sahaja yang dapat meneruskan latihan dalam pasukan tersebut. Sementara yang lainnya gagal disebabkan faktor-faktor tertentu. Able Seaman Johari telah menggunakan nama samaran Robert Barnes untuk menjaga keselamatan keluarga dan pasukannya.



Able Seaman Johari bin Mohd Amin



Able Seaman Awang bin Salleh



Able Seaman Sharif bin Mahmud

JUN

Peristiwa: 1 Jun 1994 (Rabu)

PENAMAAN 51 WORKSYOP KD MALAYA (51 WKSP) DITUKAR KE DEPOT SENGGARAAN KENDERAAN (DSK)

Pada hari ini dalam tahun 1994, 51 Worksyop KD MALAYA (51 WKSP) telah ditukarkan ke Depot Senggaraan Kenderaan (DSK). Walaupun telah ditukarkan ke DSK, peranan utama 51 WKSP masih dikenalkan iaitu mengendalikan selenggaraan kenderaan dan peralatan gunasama am TLDM manakala urusan selenggaraan senjata kecil dipindahkan ke Depot Peluru dan Letupan TLDM. Pentadbiran unit ini diletakkan di bawah KD MALAYA. Penubuhan DSK bermula di Pangkalan TLDM Woodlands, Singapura. Pada masa itu, tanggungjawab mengurus kenderaan dan alat pelbagai TLDM dikendalikan oleh Kor Jurutera Letrik dan Jentera (JLJ) Tentera Darat. Pengurusan ini dilaksanakan berikutan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengamalkan Konsep Pengurusan Gunasama (KPG) terhadap peralatan tersebut. Lanjutan daripada itu, semasa perpindahan Pangkalan TLDM dari Woodlands ke Lumut, seksyen JLJ turut dipindahkan dan ditempatkan di sebuah bengkel yang dikenali sebagai 51 WKSP. Pengurusan dan operasi 51 WKSP dipertanggungjawabkan kepada Kor JLJ manakala

urusian pentadbiran diletakkan di bawah KD MALAYA. Konsep penubuhan DSK timbul apabila ATM memutuskan untuk menukar KPG kepada Konsep Pengurusan Tunggal (KPT) pada hujung 80an. Pada 9 Disember 1991, melalui Mesyuarat Jawatankuasa Laksamana (JLAKS) Ke-15, TLDM memutuskan KPT dilaksanakan sepenuhnya dan pada 1 Jun 1994, 51 WKSP secara rasminya ditukar kepada DSK.

Pada 1 Jan 97, DSK beroperasi sepenuhnya oleh TLDM. DSK pada masa itu diletakkan di bawah pemerintahan Panglima Material Armada. Setelah penyusunan semula organisasi TLDM dilaksanakan, DSK diletakkan di bawah pemerintahan Formasi Markas Panglima Bantuan dan bertanggungjawab ke atas semua pengurusan kemudahan dan perkhidmatan aset yang tiada kaitan dengan Armada. Fungsi utama DSK adalah melaksanakan pembaikan dan selenggaraan aset-aset TLDM bukan Armada iaitu kenderaan dan alat pelbagai TLDM. Aspek pembaikan dan selenggaraan meliputi pemeriksaan dan penerimaan kenderaan dan peralatan baru, pemeriksaan dan selenggaraan berjadual, pembekalan alat ganti untuk kenderaan kepada unit-unit TLDM serta khidmat nasihat dalam aspek penjagaan, pembaikan dan selenggaraan bagi kenderaan dan alat pelbagai.

PUSAT TAKTIK MARITIM DIKENALI SEBAGAI PUSTAKMAR

Pada hari ini dalam tahun 1985, bangunan Pusat Taktik Maritim atau dikenali sebagai PUSTAKMAR telah dirasmikan oleh Panglima Tentera Laut iaitu Laksamana Madya Dato' Mohd Zain bin Mohd Salleh. Bangunan yang terletak di Pangkalan TLDM Lumut dibina bertujuan menempatkan satu sistem komputer yang berupaya mengendalikan latihan dan taktik peperangan. PUSTAKMAR menjadi pusat latihan taktik peperangan yang termoden di dunia melambangkan kejayaan yang cemerlang sejarah dengan pemodenan TLDM.

Ketika merasmikan bangunan ini Panglima Tentera Laut menegaskan bahawa rancangan menubuhkan PUSTAKMAR adalah selaras dengan penambahan kapal-kapal baru dan persenjataan sert alat-alat elektronik yang moden. Ianya dilengkapi dengan satu sistem yang moden yang terdiri daripada 4 x main frame PDP 11/14, 17 x Vertical Display, 8 x Horizontal Display, 25 x key boards dan 10 x RATT Console. Pusat ini juga mempunyai bilik latihan peperangan, bilik operasi dan bilik komunikasi. Dengan adanya PUSTAKMAR ini diharapkan kecekapan pegawai-pegawai dalam taktik peperangan akan dapat dipertingkatkan dan mengurangkan kos kerana latihan praktikal dapat dijalankan di dalam bangunan ini.

Depot Senggara Kenderaan

Peristiwa: 29 Jun 1985 (Sabtu)



Ketibaan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Dato' Mohd Zain bin Mohd Salleh ke Majlis Perasmian PUSTAKMAR



Perasmian PUSTAKMAR oleh Panglima Tentera Laut Laksamana Madya Dato' Mohd Zain bin Mohd Salleh

JULAI

Peristiwa: 11 Julai 1976 (Sabtu)

TLDL TERIMA KAPAL LAYAR DARI KELUARGA TUN RAZAK

Pada hari ini dalam tahun 1976, Datuk Mohd Najib bin Tun Razak telah menyempurnakan satu majlis penyerahan Kapal Layar Putera Mangkasa kepunyaan bapanya Allahyarham Tun Razak kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Majlis bersejarah ini telah berlangsung di atas KD HANG TUAH di Pangkalan TLDM Woodlands di Singapura dan disambut baik oleh Ketua Turus Tentera Laut ketika itu Laksamana Pertama K.Thanabalasingam disaksikan oleh Timbalan Menteri Pertahanan Encik Mokhtar bin Hashim.

Kapal layar yang beratnya 64 tan ini dilengkapi dengan jentera 52 kuasa kuda ini dihadiahkan oleh Haji Achmand Lano iaitu Gabenor Sulawesi Selatan mewakili rakyatnya kepada Allahyarham pada bulan September 1975 di Pelabuhan Klang. Allahyarham Tun Razak telah menyatakan hasratnya untuk menyerahkan kapal layar ini kepada TLDM ketika beliau masih hidup dan perkara ini telah disahkan oleh isteri beliau Tun Hajjah Rahah selepas kematiannya. Hasrat ini akhirnya dapat disempurnakan oleh Datuk Najib, anak sulung beliau.

UPACARA PENYERAHAN TENTERA LAUT DIRAJA MALAYA (TLDM) KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Pada hari ini dalam tahun 1958, telah berlangsung Upacara Penyerahan TLDM kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di Pangkalan TLDM Woodlands, Singapura pada jam 1142H. Secara rasminya TLDM telah menjadi hak milik Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Julai 1958. Dengan bantuan berjumlah hampir RM 8 juta dari Tentera Laut Diraja British serta kerjasama Kerajaan Pusat Malaya, TLDM yang baru dan berdikari telah berjaya ditubuhkan. Penyerahan asset dalam bentuk kapal-kapal dan pangkalan yang bernilai sejumlah RM 20 juta telah ditandatangi dan diserahkan secara Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj bagi pihak Kerajaan Persekutuan dan Ketua Menteri Singapura Encik Lim Yew Hock bagi pihak Kerajaan Singapura. Upacara bersejarah gilang-gemilang ini disaksikan oleh dif-dif kehormat dan orang-orang kenamaan termasuk Menteri Pertahanan Malaya, Tun Abdul Razak, Gabenor Singapura, Sir William Goode, dan Ketua Pemerintah Tentera Laut Diraja British di Timor Jauh, Vice Admiral Sir Gerald Fladstone. Turut hadir ialah Ketua Turus Tentera Laut Pertama Komodori E.D. Norman RN.

Mulai dari tarikh tersebut, semua kapal dan pangkalan TLDM mula menggunakan bendera baru. Pada tarikh itu juga semua kapal-kapal dan pangkalan tidak lagi menggunakan awalan 'HMS'. Awalan yang baharu adalah



Datuk Mohd Najib bin Tun Razak menerima tabik hormat sebelum turun dari Kapal Layar Putera Mangkasa.


Kapal Layar Putera Mangkasa bukan sahaja simbol kepada perhubungan yang rapat tetapi yang lebih utama adalah persamaan darah yang mengalir antara Malaysia dan Sulawesi. Selain itu, Datuk Najib juga menegaskan kerjasama antara Malaysia dan Indonesia dalam pertahanan maritim hari ini berkemungkinan hasil dari hubungan sejarah serumpun yang rapat dan berkait antara dua negara lain. Putera Mangkasa akan menjadi kenangan abadi untuk TLDM terhadap jasa Allahyarham Tun Razak kerana kapal layar itu besar erti kepada TLDM. Ia menjadi peneraju dan suntikan semangat kepada sukan kapal layar dan sering diguna untuk latihan kapal layar bagi pegawai dan anggota TLDM.

Peristiwa: 12 Julai 1958 (Sabtu)


'KD' yang membawa makna 'Kapal Diraja' dan Pangkalan TLDM di Woodlands telah dinamakan semula sebagai KD MALAYA. Perdana Menteri Malaya yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj menyatakan bahawa rakyat Persekutuan amat menghargai jasa TLDM kerana perkhidmatannya yang cemerlang dan berjaya dalam membantu gerakan menghapuskan pengganas komunis. Beliau juga mengucapkan tahniah dan berbesar hati kepada Ketua Menteri dan Gabenor Singapura, kerana peranan mereka berdua menjayakan pemindahan milik itu. Seramai 600 orang pegawai dan anggota TLDM telah mengambil bahagian dalam perbarisan penyerahan tersebut. Hari ini juga merupakan kali pertama Tunku Abdul Rahman menerima tabik hormat dan memeriksa perbarisan kehormat dari anggota-anggota TLDM. Sebelum upacara penyerahan bermula, Tunku dan dif-dif kehormat telah dibawa menaiki KD PELANDOK dan kemudian berlabuh di Selat Johor untuk menerima lantas hormat dari tujuh buah lagi kapal-kapal TLDM. Bilangan anggota-anggota TLDM pada masa ini adalah seramai 30 orang pegawai dan 630 orang anggota LLP. Walau bagaimanapun seramai 78 orang anggota yang terdiri dari rakyat Singapura telah memilih untuk menamatkan perkhidmatan mereka.



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Gabenor Singapura Sir William Goode dan Ketua Menteri Singapura Encik Lim Yew Hock.




Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Perdana Menteri Pertama memeriksa perbarisan di pangkalan TLDM Woodlands.



Ucapan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

OGOS

Peristiwa: 5 Ogos 1955 (Sabtu)



David Marshall semasa lawatan ke Pangkalan RMN di Woodlands, Singapura

Queen Elizabeth (Ratu Elizabeth 2), menjadikan MNF kini dikenali sebagai Tentera Laut Diraja Melayu (Royal Malayan Navy) di atas perkhidmatan MNF yang cemerlang.

Peristiwa: 1 Ogos 2005 (Isnin)

UPACARA PERLUCUTAN TAULIAH 6 BUAH KAPAL RONDA TLDM

Pada hari ini dalam tahun 2005, satu peristiwa terpahat di dalam sejarah iaitu upacara perlucutan tauliah enam buah kapal dari Skuadron Kapal Peronda Ke-14 TLDM yang berpangkalan di Markas Wilayah Laut 1. Kapal tersebut adalah KD SRI SARAWAK (3145), KD KRIS (34), KD SUNDANG (36), KD BADEK (37), KD PANAH (42) dan KD KELEWANG (45). Pada masa yang sama upacara penyerahan Aset TLDM kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dilaksanakan selepas perlucutan tauliah tersebut. Upacara perlucutan tauliah disempurnakan oleh Panglima Armada, Laksamana Madya Dato' Mohammad bin Nik.

Sepanjang tempoh perkhidmatan iaitu selama empat dekad, KD SRI SARAWAK, KD KRIS, KD SUNDANG, KD BADEK, KD PANAH dan KD KELEWANG telah berjaya melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan dengan efektif, efisien dan amat membanggakan. Selain dari membuat tugas rondaan, kapal tersebut juga banyak terlibat dengan pelbagai latihan dan operasi bersama agensi kerajaan yang lain serta tentera laut negara jiran. Walaupun tidak memiliki sistem kapal yang canggih, prestasi kapal semasa menyertai sebarang latihan dan operasi jarang sekali menghamparkan. Keupayaan Kapal Peronda ini bertahan selama empat dekad adalah hasil penerapan budaya dan program


HMMS MALAYA di Pangkalan TLDM Woodlands, Singapura.

Dalam tahun itu juga, beberapa buah kapal Royal Malayan Navy telah menyertai beberapa siri latihan dengan Royal Navy dan Tentera Laut negara Komanwel yang lain. Tugas yang dilakukan oleh Royal Malayan Navy pada tahun itu lebih tertumpu kepada mengawal keselamatan perairan Tanah Melayu dan juga Singapura. Pasukan ini juga diberi tugas mengawal laluan kapal-kapal ke Singapura dan pelabuhan-pelabuhan lain.



senggaraan yang efektif oleh TLDM serta anggota yang berdedikasi dan komited.

KD SRI SARAWAK telah berkhidmat selama 40 tahun 11 bulan, KD KRIS selama 39 tahun 7 bulan, KD SUNDANG selama 38 tahun 8 bulan, KD BADEK selama 38 tahun 7 bulan, KD PANAH selama 38 tahun 1 bulan dan KD KELEWANG selama 37 tahun 11 bulan. Pengunduran Kapal Peronda ini dari perkhidmatan TLDM dalam pertahanan maritim tidak terhenti begitu sahaja malah meneruskan perjuangan di bawah naungan APMM untuk satu tempoh yang panjang.



KD Badek



OLD FROG ke ISTANA

Oleh: Lt Nor Melissa Yayanto TLDM

Jika disebut nama Kepten (Kehormat) Ahmad Ramli bin Kardi PSSTLDM, majoriti warga TLDM kini lebih mengenali beliau sebagai Juruiring Tentera Kepada Sultan Selangor. Imej sebagai Juruiring Tentera atau lebih sinonim dengan sebutan ADC singkatan kepada *AIDE DE CAMP* jelas melekat setelah 18 tahun berkhidmat kepada Baginda. Otai TLDM ini bersara dari perkhidmatan tetap TLDM pada Jun 1999 dan seterusnya ditauliahkan sebagai Lt Kdr (Kehormat) PSSTLDM untuk bertugas sebagai ADC.

Anak kampung kelahiran Bagan Datoh, Perak mula menyertai perkhidmatan TLDM sebagai anggota Lain-Lain Pangkat pada 1 Julai 1977. Beliau merupakan produk pertama Sekolah Akademik KD PELANDOK yang mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan melayakkan beliau untuk mengikuti Kursus Pegawai Kadet TLDM.

LATIHAN AWAL DAN KURSUS KOMANDO HUTAN

Di awal perkhidmatan, beliau menjalani Latihan Asas Rekrut Pengambilan ke 129/77. Latihan asas selama 6 bulan ini ditempuhi di KD PELANDOK Cawangan Sembawang, Bah Soon Pah Road Singapura yang turut dikenali sebagai Khatib Camp. Seterusnya beliau

menjalani Latihan Asas Bahagian Kedua atau Kepakaran di KD PELANDOK, Woodlands dalam Cawangan *Radar Plotter*.

Selesai latihan kepakaran, beliau diperjawatkan di KD SRI LANGKAWI yang merupakan kapal pertama Armada TLDM dalam kelas *Landing Ship Tank*. Namun, jiwa beliau yang lasak menyebabkan beliau memohon untuk mengikuti Kursus Asas Komando Hutan di Tentera Nasional Indonesia. Pada Oktober 1978, beliau terpilih untuk menjalani Latihan Pra Asas Komando selama sebulan bersama 60 warga TLDM di bawah seliaan Lt Sutarji Kasmin TLDM.

60 warga TLDM ini dihantar ke Pusat Latihan Tempur Kor Marinir di Baluran, Jawa Timur untuk menjalani Latihan Asas Komando Hutan selama 3 bulan. Walau bagaimanapun hanya 59 anggota TLDM sahaja berjaya menamatkan latihan dan kembali ke tanah air dengan gelaran Gelombang Kedua. Kumpulan ini merupakan tulang belakang kepada penubuhan PASKAL. Sekembalinya ke tanah air, kumpulan ini ditugaskan di Rejimen Keselamatan KD MALAYA, Woodlands. Mereka juga turut ditugaskan sebagai 'Barrack Guard', pengiring keselamatan dan risikan.

PENGAWASAN TERUMBU LAYANG-LAYANG

Pada tahun 1981, satu tim yang diketuai Lt Johari Ramzan Haji Ahmad TLDM telah digerakkan ke Terumbu Layang-Layang untuk tujuan ‘menduduki’ terumbu tersebut. Penulis cuba mencungkil pengalaman beliau semasa penugasan di terumbu dan perbandingan dengan kemajuan masa kini di Gugusan Luar Pantai. Walau bagaimanapun, beliau secara diplomasi menolak untuk bercerita secara terbuka kerana khuatir ia masih diklasifikasikan sebagai ‘berdarjah’ berdasarkan isu semasa di Laut China Selatan.

DARI LLP KE PEGAWAI

Pada tahun 1983, beliau terpilih untuk mengikuti Kursus Pegawai Kadet TLDM Tauliah Jangka Pendek Ke-31. Beliau menjalani latihan selama 3 bulan di Sekolah Pegawai Kadet, Kem Sebatang Karah, Port Dickson sebelum meneruskan latihan di Sekolah Pegawai KD PELENDOK Lumut.

Setelah ditaliahkan, beliau dihantar bertugas di beberapa kapal TLDM seperti KD SRI INDERA SAKTI, KD JERONG, KD PANAH dan KD DUYONG sebelum kembali ke dunia PASKAL pada tahun 1987. Beliau diperjawatkan sebagai Asisten Ketua Skuadron Bravo di PASKAL dan meneruskan kitaran kerjayanya dalam PASKAL sehingga bersara pada tahun 1999.

PENUBUHAN TIM RISIK GEMPUR DAN PANGKALAN HADAPAN SEMPORNA

Menceritakan detik indah dalam PASKAL, beliau berbangga dapat merealisasikan hasrat Pegawai Memerintah ketika itu iaitu Kdr Nasaruddin Othman TLDM untuk membentuk dan menubuhkan Tim Taktis sebelum ditukar kepada Tim Risik Gempur (TRG) ketika diperjawatkan sebagai Ketua Skuadron.

Penugasan TRG melakar sejarah pertama apabila ditugaskan untuk mengumpulkan maklumat perisikan aktiviti pelanunan di Sabah Timur. Mengimbas kembali detik bersejarah untuk mendukung misi negara, selaku Ketua Tim TRG, beliau telah ditugaskan dalam masa yang singkat untuk menyiapkan Plan Operasi dan diberi kebebasan untuk memilih Tim Pioneer. Akhirnya, LK PKL Norazidi Mohd Taib, LK I PKL Jasni dan LK I Ibrahim Palau



dipilih berdasarkan pengetahuan lokaliti, kemahiran hidup di kawasan perairan operasi serta memiliki kemahiran untuk bertutur dalam bahasa tempatan. Sepanjang mendukung penugasan rahsia negara ini, kesemua anggota TRG diletakkan di bawah kawalan operasi Pegawai Perisikan Tentera (PPT) Sabah.

Berdasarkan Pelan Operasi, beliau terlebih dahulu memasuki kawasan operasi secara bersendirian untuk mengkaji situasi di kawasan tersebut serta memperbaharui hubungan dengan ejen-ejen setempat untuk mendapatkan keyakinan berhubung ‘nilai percaya’. Beliau juga turut mengkaji penempatan TRG yang akan bertugas berdasarkan kepada sensitiviti dan tumpuan aktiviti perlanunan. Peletakan TRG di ‘kawasan panas’ memberi faedah untuk TRG mendapatkan maklumat mengenai aktiviti musuh untuk disalurkan kepada markas. Setelah membuat risikan, beliau kembali ke Markas PASKAL untuk membuat laporan hasil Operasi Tinjauan dan berjaya membawa TRG ke kawasan yang telah dikenal pasti. Laporan dari aspek penglihatan dan taktikal sentiasa disalurkan oleh anggota TRG kepada beliau selaku *Handling Officer*.

Sepanjang operasi, beliau juga turut melaksanakan beberapa lawatan di kawasan operasi untuk mengkaji bentuk muka bumi di Sabah Timur bagi mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk dijadikan pangkalan hadapan atau *Forward Observation Base* (FOB). Beliau bersama 2 anggota TRG iaitu LK I PKL Ibrahim dan LK I PKL Jasni melakukan tinjauan secara rahsia dengan menggunakan pelbagai kaedah penyamaran agar tidak dikenali atau menimbulkan syak kepada ejen-ejen lanun yang berkeliaran di sekitar kawasan operasi. Tinjauan dilaksanakan ke atas beberapa lokasi iaitu di Kampung Tampi-Tampi, Kampung

Gambar kenang-kenangan pelatih pengambilan kedua setelah tamat Kursus Komando Hutan di Surabaya Indonesia.



Bendera TLDM dikibarkan melambangkan kemegahan anggota TLDM amnya dan PASKAL khasnya (LT AHMAD RAMLI dan BM PKL MOHD)

Tanjung Kapur dan Kawasan Batu Hilas. Hasil tinjauan ini disalurkan ke pihak pengurusan tertinggi TLDM untuk membangunkan Pangkalan Hadapan iaitu KD SRI SEMPORNA. Konsep asal Pangkalan Hadapan ini bertujuan memanfaatkan keanggotaan Pasukan Simpanan TLDM untuk membantu anggota tetap di pangkalan tersebut. Anggota simpanan ini juga boleh dilatih untuk membantu PASKAL bagi mengenali kawasan persekitaran dan penduduk berhampiran dengan lebih dekat bagi tujuan perisikan.

KECIL NAMUN LUAS JANGKAUAN

Sebagai pengasas kepada Pasukan Payung terjun TLDM, beliau telah menamakan pasukan ini dengan nama *Flying Frog*. Menurut beliau, idea menamakan tim ini dengan nama *Flying Frog* kerana beliau melihat Tim Payung Terjun US Navy Leaf Frog yang dianggotai anggota US Navy Seals semasa beliau menjalani kursus di US Navy Special Warfare Coronado San Diego.

Sasaran beliau seterusnya adalah benua sejuk dan jauh iaitu Kutub Utara. Pada 21 Apr 1988, beliau bersama Bintara Muda PPP (PKL) Mohd Idrus Yusuf menyertai pasukan Ekspedisi Terjun Bebas Kutub Utara Malaysia dan berjaya melaksanakan terjun bebas di Kutub Utara. Kibaran Ensign TLDM di Kutub Utara membuktikan beliau adalah warga TLDM pertama melakukan terjun bebas di Kutub Utara.

Setelah berjaya menawan Kutub Utara, beliau mula merancang untuk menawan Kutub Selatan. Semangat juang yang tinggi akhirnya merealisasikan impian beliau bersama lima penerjun negara. Pada 14 Jan 2000, kumpulan penerjun ini menjadi pasukan pertama dari negara Asia yang berjaya melaksanakan terjun bebas di Benua Antartika. Meskipun ekspedisi ini dianggap gagal kerana tidak berjaya mendarat di South Pole namun beliau gembira kerana berjaya terjun di Patriot Hill dan mampu hidup di benua yang paling sejuk ini selama 19 hari.

OTAI TLDM KE ISTANA

Setelah berkhidmat selama 22 tahun dalam TLDM, beliau akhirnya bersara secara pilihan pada tahun 1999. Namun, langkah beliau telah dialihkan ke jalan Istana

apabila dipilih sebagai Juruiring Tentera DYMM Sultan Selangor. Beliau menekankan bahawa tanggungjawab baharu dalam hidupnya menjadikan setiap hari beliau penuh dengan warna dan dihadapi dengan keazaman dan sikap positif. Walaupun telah berpisah secara rasmi dari TLDM, namun nama beliau masih terpahat dalam TLDM apabila 2 anak lelaki beliau turut berkhidmat dalam TLDM.

HARAPAN KEPADA GENERASI AKAN DATANG

Walaupun telah 17 tahun setia berkhidmat bersama Sultan Selangor, otai PASKAL ini sentiasa mengekalkan sifat rendah diri dan sentiasa membantu orang lain. Setelah beberapa tahun meninggalkan dunia PASKAL namun *Old Frog* ini sentiasa memastikan ukhuwah antara PASKAL kekal terjalin. Beliau menasihatkan warga PASKAL untuk sentiasa mempunyai semangat berpasukan dan menjunjung tinggi ikrar PASKAL. Menurut beliau, PASKAL ini mempunyai 'roh' yang sangat unik yang hanya dapat dirasai oleh mereka yang telah lulus Kursus Asas Komando PASKAL serta berkhidmat dalam Skuadron Tempur. Sehingga kini roh tersebut kekal dibelai dengan program antara *Old Frog* dan anggota yang masih berkhidmat sebagai titian silaturrahim dan semangat setia kawan yang jitu. Beliau mengakhiri temubual ini dengan kata-kata 'sekali komando seumur hidup tetap komando'.





SYSTEM CONSULTANCY SERVICES SDN BHD

Your Thinking Company

System Consultancy Group of Companies:



DK Composites Sdn Bhd
(448908-X)

Design and Fabrication of
Advanced Composites materials
for Architectural, Marine,
Automotive and Aerospace Industries



Digital Aura (M) Sdn Bhd
(308286-T)

Project Management Solutions



IBS Technology Sdn Bhd
(394181-H)

Intelligent Building and
Security Systems

Head Office:

System Consultancy Services Sdn Bhd (219906-U)

No. 36 Jln Wangsa Delima 6 Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC) 53300 Kuala Lumpur

Tel: +603 4149 1919 Fax: +603 4149 2121 Email: scshq@scs.my

www.scs.my

ROYAL AUSTRALIAN NAVY TRAINING FORCE HEADQUARTERS



Oleh: Lt Kdr Mohd Asri bin Dasman TLDM

RAN Training Force Headquarters (RAN TFHQ) merupakan sebuah organisasi yang bertanggungjawab melaksana dan menguruskan latihan kepada semua warga RAN.

STRUKTUR ORGANISASI RAN TFHQ

TFHQ diketuai oleh seorang Pegawai kanan berpangkat Laksamana Pertama atau *Commodore Training* (COMTRAIN) dan dibantu oleh dua Ketua Jabatan dan enam Penguasa Latihan (*Training Authority*). Jabatan dan Penguasa Latihan yang dimaksudkan adalah:

- Director Navy Training (DNT). Merangkap Ketua Staf TFHQ.
- Captain Sea Training (CST).
- Director Training Authority Aviation (DTA-AVN).
- Director Training Authority Engineering (DTA-ENG).
- Director Training Authority Initial Training & Leadership Management (DTA-ILM).
- Director Training Authority Maritime Logistics & Health (DTA-MLH).
- Director Training Authority Submarine (DTA-SM).
- Director Training Authority Maritime Warfare (DTA-MW).

DIRECTOR NAVY TRAINING (DNT)

DNT bertanggungjawab kepada COMTRAIN dalam pengurusan dan pelaksanaan *individual training* secara umumnya dan juga berperanan dalam perkara-perkara berikut:

- Menyelaraskan semua polisi berkenaan latihan.
- Mengimplementasi strategi latihan RAN TFHQ dengan mewujudkan Rancangan Latihan Lima Tahun (Five Year Training Plan) dan Rancangan Latihan (RALA).
- Mengurus dan memastikan kepatuhan RAN sebagai Pusat Bertauliahan (*Registered Training Organisation*).



CAPTAIN SEA TRAINING (CST)

CST yang turut dikenali sebagai *Australian Fleet Sea Training Group* (AUSTFLTSTG) bertanggungjawab dalam memastikan matlamat *collective training* tercapai melalui pengurusan *Sea Training Group* (STG) untuk menjamin pencapaian objektif *collective training*. Ianya dapat dilakukan melalui penilaian *Mission Readiness Evaluation* (MRE)/ *Unit Readiness* (UR)/ *Mission Readiness* (MR).

TRAINING AUTHORITY (TA)/PENGUASA LATIHAN

Director Training Authority Aviation (DTA-AVN) bertanggungjawab kepada COMTRAIN dalam melaksanakan semua latihan yang melibatkan bidang penerbangan. DTA-AVN disokong oleh cawangan berikut:

- *Training Support & Governance* (TSG).
- *Technical Training School*.
- *Flying Training School*.



- MH-60R – Seahawk Training Centre.
- Non-Technical Training School.

Director Training Authority Engineering (DTA-ENG) bertanggungjawab kepada COMTRAIN dalam melaksanakan semua bentuk latihan untuk melahirkan warga tentera laut yang terlatih dan kompeten dalam bidang kejuruteraan. DTA-ENG disokong oleh cawangan berikut:

- Training Support & Governance (TSG).
- Initial Engineering Systems and Maintenance Training Centre.
- Advanced Engineering Training Centre.
- Surface Engineering Systems Centre.
- RAN Training System School (RANTSS).
- Engineer Officer Training Centre.

Director Training Authority Initial Training & Leadership Management (DTA-ITLM). Bertanggungjawab kepada COMTRAIN dalam melaksanakan semua bentuk latihan ketenteraan asas tentera laut dan kepimpinan kepada bakal pegawai, rekrut, Pasukan Simpanan Sukarela dan Navy Cadets (setaraf PKBM Laut). Penguasa Latihan bidang ini dibantu oleh cawangan berikut:

- Royal Australian Naval College (RANC).
- RAN Recruit School.
- Senior Leadership Management Faculty.
- Training Support and Governance (TSG).

Director Training Authority Maritime Logistics & Health (DTA-MLH). Bertanggungjawab kepada COMTRAIN

dalam melaksanakan semua bentuk latihan untuk melahirkan warga tentera laut yang terlatih dan kompeten dalam bidang pengurusan lojistik/bekalan dan kesihatan. Penguasa Latihan ini disokong oleh cawangan berikut:

- Training Support and Governance (TSG).
- RAN Maritime Logistic School.
- RAN Medical School.
- ADF School of Catering.
- Driver and Machinery Plant Training.

Director Training Authority Submarine (DTA-SM) bertanggungjawab kepada COMTRAIN dalam melaksanakan semua bentuk latihan untuk melahirkan warga tentera laut yang terlatih dan kompeten dalam pengoperasian kapal selam. Penguasa Latihan ini dibantu oleh cawangan berikut:

- Manager Training Administration.
- Training Support and Governance (TSG).
- Manager Engineering Training.
- Manager Submarine Warfare Training.
- Australian Submarine Coorperation (ASC).

Director Training Authority Maritime Warfare (DTA-MW) bertanggungjawab kepada COMTRAIN dalam melaksanakan semua bentuk latihan untuk melahirkan warga tentera laut yang terlatih dan kompeten dalam bidang perperangan maritim. Penguasa Latihan ini disokong oleh cawangan berikut:

- Command, Navigation and Littoral Warfare.
- Training Support and Governance (TSG).
- Maritime Warfare Faculty.
- School of Maritime Warfare – South.

Berdasarkan struktur ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa RAN TFHQ telah menggunakan struktur organisasi yang dinamik bagi memastikan mereka sentiasa dapat memberikan perkhidmatan latihan yang berkualiti kepada warga RAN seiring dengan era modenisasi dan perolehan aset terkini.




KHAS

**Sambutan Hari Kemerdekaan 2016
di Dataran Merdeka Kuala Lumpur**

Kuala Lumpur, 31 Ogos - Kira-kira 300 pegawai dan anggota TLDM telah memeriahkan sambutan Hari Kemerdekaan 2016. Buat julung kalinya, Kontinjen TLDM memperagakan pakaian celoreng digital yang baharu sahaja dilancarkan pada 26 Ogos 2016 sambil diiringi Pasukan Pancaragam Pusat TLDM yang diketuai Leftenan Mohd Shamram Hj Ramli TLDM.

'Sehati Sejiwa' sekali lagi dipilih sebagai tema sambutan tahun ini yang mencerminkan roh kesepaduan, kesefahaman, kekitaan dan kemanusiaan seluruh rakyat Malaysia.

WARNA-WARNI





MERDEKA

Sambutan Hari Kemerdekaan 2016 di Langkawi

Sambutan Hari Kebangsaan Ke-59 Peringkat Daerah Langkawi telah berlangsung di Dataran Mar-mar, Kuah pada 3 Sep 16. Sambutan yang diadakan secara sederhana ini bermula dengan persembahan pancaragam dan seterusnya disusuli dengan perbarisan serta perarakan kontinjen-kontinjen daripada pelbagai jabatan agensi kerajaan, pihak swasta, NGO dan sekolah-sekolah di Langkawi.

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) juga telah menghantar satu kontinjen seramai 33 orang terdiri dari seorang pegawai dan 32 anggota Lain-lain Pangkat (LLP) yang bertugas di Pangkalan TLDM Langkawi diketuai oleh Lt Mohd Zunawani bin Kasim TLDM. Kontinjen TLDM telah berjaya memenangi tempat pertama bagi kategori Jabatan Kerajaan Beruniform.



KHAS



**Sambutan Hari Kemerdekaan 2016
di Terengganu**


Setiu, 31 Ogos 2016 – Pasukan Simpanan Tentera Laut Setiu telah menyertai Perarakan dan Perbarisan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-59 Peringkat Negeri Terengganu pada 28 hingga 31 Ogos 2016 di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah dan Taman Awam Batu Burok, Kuala Terengganu, Terengganu. Yang di-Pertuan Muda Negeri Terengganu, DYTM Tengku Muhammad Ismail ibni Sultan Mizan Zainal Abidin telah mencemar duli menyaksikan acara yang bersejarah ini. Acara tahunan sempena Sambutan Hari Kebangsaan yang ke-59 ini disertai seramai 150 kontinjen terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, persatuan, NGO, badan berkanun dan konvoi pelbagai jenis kenderaan.



Sambutan Hari Kemerdekaan 2016 di Sabah dan Sarawak

Sri Aman, 31 Ogos 2016 – Pasukan PSSTLDM Kuching telah diberi penghormatan untuk menaikkan Jalur Gemilang pada majis Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Sarawak di Kompleks Sukan Sri Aman, Sri Aman, Sarawak. Seramai 1x Pegawai dan 9 x LLP dari PSSTLDM Kuching telah terlibat bagi menaikkan bendera sempena perasmian Sambutan Bulan Kemerdekaan yang gilang gemilang tersebut.

Simbolik perasmian sambutan Hari Kebangsaan telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud bersama Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Adenan Satem. Turut diiringi oleh Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah anak Embas, Timbalan Ketua Menteri Sarawak merangkap Menteri Permodenan Pertanian dan Ekonomi Luar Bandar Sarawak selaku Menteri Bertanggungjawab Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2016.



Tidak Salah Langkah - BAKAL PESARA DINASIHAT RANCANG HALA TUJU

Oleh: PW | PRL Normahaily Mohd Nor

“Ini duit terakhir yang abah boleh bagi pada along. Along dah kerja ni, tak bagi abah pun tak apa, jangan minta lagi dah.” – Kdr Abu Bakar Budin

Ternyata, amanat itu membawa hasil berlipat ganda terhadap kehidupan anak-anaknya kini.

Tidak mengajar anak-anak hidup mewah

“Saya tidak mengajar anak-anak hidup mewah sebab saya pernah hidup susah,” ujar Kdr Abu Bakar Budin TLDM (Bersara), 74.

Hampir dua jam dalam sesi ini, saya berasakan beliau seorang yang sangat berterus-terang. Beliau tidak menyimpan apa-apa dalam hati. Apa yang difikirkan dalam minda, itulah yang terlahir di mulut melalui kata-kata. Mungkin terdengar sedikit ‘keras’, pun begitu saya tahu niatnya baik. Hanya memberitahu yang benar-benar sahaja.

“Ya, saya orang susah. Sebab itu saya bekerja keras untuk menyara keluarga,” tegas beliau.

Sejarah lampau menjadikan Kdr Abu Bakar begitu teliti mengatur strategi dalam mempersiapkan diri untuk bergelar pesara, lebih-lebih lagi dalam aspek perbelanjaan keluarga. Dipengaruhi faktor itu, beliau bersikap agak tegas dan tidak sekali-kali berkompromi terutama dalam soal berbelanja. Tidak hairanlah keempat-empat anak lelaki beliau begitu terdidik menghargai nilai wang dan sehingga kini berdiri kukuh dan berjaya memegang jawatan penting di beberapa buah syarikat ternama di luar negara.

Kongsi cerita

Masih dihantui ketidakstabilan ekonomi negara di awal persaraan, sementelahan diasak pula beberapa isu membabitkan pesara tentera di dada-dada akhbar membuatkan Kdr Abu Bakar berasa terpanggil untuk berkongsi pengalaman dengan pembaca, khususnya bakal pesara.

“Saya bangga melihat ramai pesara berada dalam kelompok yang berjaya,” ujar beliau.

Namun katanya, masih ada yang gagal merancang dan terpaksa hidup di bawah paras kemiskinan sehingga menghadapi tekanan emosi dan dihantui masa depan yang kabur.

“Terdapat segelintir yang masih berkhidmat dan bakal bersara mengambil sikap acuh tak acuh. Mungkin dikaburi nilai ringgit yang bakal diterima membuatkan mereka ambil mudah.

“Mungkin mereka tidak fikir apa yang hendak dilakukan setelah tamat perkhidmatan sama ada mahu bekerja sendiri atau makan gaji dan mungkin juga mereka keliru untuk memilih bidang yang sesuai mengikut kemahiran dan kemampuan masing-masing.” Katanya.

Jangan selesa dengan gaji sekarang

Ramai beranggapan gaji anggota tentera pada masa kini amat selesa berbanding dahulu. Penyelarasian gaji selain insentif dan beberapa pembaharuan yang dilaksanakan banyak memberi faedah dan amat signifikan kepada anggota tentera. Namun, bakal pesara diingatkan agar tidak terlalu selesa dengan keadaan tersebut sebaliknya lebih fokus merancang pengurusan kewangan apabila bersara kelak.

“Janganlah terlalu selesa dengan jumlah gaji yang diterima sekarang kerana apabila bersara nanti, anda hanya akan menerima separuh daripada jumlah tersebut,” ujar Kdr Abu Bakar.

Lebih memeritkan tambah beliau, dengan jumlah itulah mereka perlu menanggung segala hutang-piutang, kos bayaran balik pinjaman perumahan selain terpaksa menampung perbelanjaan harian yang semakin meningkat.

"Itu belum ambil kira yang tinggal di kuarters. Sekarang memang belum terasa tetapi apabila sudah menamatkan perkhidmatan dan tidak lagi diperuntukkan rumah keluarga, mereka akan mula rasa tekanan yang amat ketara.

Tidak Hadir latihan kemahiran

"ATM berusaha menyediakan program latihan peralihan untuk bakal pesara bagi membolehkan mereka memperoleh kemahiran dan pengalaman sebelum melangkah ke dunia awam," ujarnya.

Namun katanya, terdapat segelintir pesara tidak menghadiri latihan kemahiran yang ditawarkan sebaliknya memilih untuk menjalani latihan kemahiran sendiri kerana beranggapan bahawa persaraan adalah tempoh untuk berehat setelah bertahun-tahun mengabdikan diri untuk pekerjaan.

Tidak kurang juga yang memilih bidang latihan sekadar memenuhi syarat perkhidmatan malah tidak serius ketika temu duga dan agak selektif mencari pekerjaan. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa masih terdapat segelintir pesara yang tidak ambil peduli tentang pembangunan kerjaya mereka selepas bersara.

Kesukaran pesara tentera menyesuaikan diri dengan dunia persaraan seakan fenomena biasa. Kurang pengetahuan dan kefahaman mengenai hala tuju kerjaya yang sebenar menyebabkan golongan ini tidak mampu melihat potensi diri terutama yang berkaitan dengan penerokaan peluang dan pembangunan kerjaya kedua.

Program khidmat nasihat

Rentetan senario itu, Kdr Abu Bakar mengingatkan agar bakal pesara tidak gagal untuk menghadiri program motivasi anjuran Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) supaya mereka tidak tercicir daripada menikmati kehidupan yang lebih produktif dan selesa setelah bersara. Melalui program tersebut, para pesara diberi pendedahan dan penguasaan dalam mengurus kerjaya yang baik sekali gus membuka peluang lebih luas untuk mereka memperoleh pekerjaan apabila bersara kelak.

"Khidmat nasihat perlu diberikan kepada bakal pesara supaya mereka boleh merancang apa yang perlu dilakukan setamat perkhidmatan supaya tidak tersasar," ujarnya.

Melalui program itu juga, bakal pesara didedahkan dengan ilmu persaraan untuk memenuhi pasaran pekerjaan masa hadapan sekali gus dapat melahirkan golongan pesara yang mempunyai pengetahuan, sikap dan berkemahiran tinggi walaupun mereka menceburい bidang pekerjaan awam dalam usia pertengahan.

Kursus di PERHEBAT

Tidak dinafikan, pelbagai kursus yang disediakan di PERHEBAT seperti pembangunan keusahawanan, kejuruteraan automotif, kejuruteraan elektrik dan elektronik, binaan dan kejuruteraan serta pengurusan perkhidmatan katering telah banyak membantu melahirkan pesara yang berjaya khususnya di bidang keusahawanan.

Usaha ini adalah selari dengan hala tuju perbadanan melalui program transformasi latihan yang memfokuskan kepada tiga teras utama iaitu Program Pembangunan Modal Insan Berkemahiran Tinggi, Memperkasa Program Keusahawanan dan Pelan Transformasi Kompetensi ATM bertujuan memberi kemahiran tinggi serta pengalaman

keusahawanan bagi meningkatkan kualiti kehidupan dan taraf sosio-ekonomi pesara tentera.

Daftar dengan JHEV

Pesara juga diingatkan agar segera berdaftar dengan Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) atau Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) setamat perkhidmatan bagi memudahkan pihak JHEV dan PBTM mengikuti perkembangan semasa pesara. Menerusi pendaftaran tersebut, pesara akan memperoleh pelbagai faedah seperti khidmat nasihat dan bantuan yang sememangnya telah disediakan pihak berkenaan untuk menjaga kebaikan mereka. Malah veteran ATM memperoleh banyak keistimewaan berbanding perkhidmatan awam yang lain antaranya mendapat kemudahan rawatan perubatan percuma tidak kira sama ada yang berpencen maupun tidak berpencen.

Sementara itu, bagi golongan veteran yang miskin, jabatan turut menyediakan skim bantuan kebaikan untuk sara hidup, peralatan pesakit dan bencana alam serta bantuan pendidikan untuk persekolahan anak-anak dan kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi anak-anak veteran ATM.

Tawarkan diri

Enggan melihat fenomena kegagalan pesara merancang hala tuju terus berulang, Kdr Abu Bakar menawarkan diri untuk menggembungkan tenaga bersama pihak Sumber Manusia Markas Tentera Laut bagi menganjurkan program khas yang melibatkan bakal pesara agar beliau dapat berkongsi pengalaman di samping menyalurkan maklumat bermanfaat yang secara langsung boleh menjana minda bakal pesara sebelum melangkah ke dunia persaraan.





Program REMAJA BERWAWASAN di bawah NBOS8

Oleh: PW TLR Bornica a/k Pela
Fakulti Kejuruteraan

KD PELANDOK (KDP) telah ditugaskan untuk merealisasikan Program Remaja Berwawasan (PRB) di bawah *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) 8. Program ini merupakan lanjutan daripada NBOS 2 yang melibatkan usaha mengurangkan indeks jenayah dan merupakan inisiatif yang keempat iaitu untuk menangani masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah. Terdapat tiga agensi utama yang terlibat dalam program ini iaitu ATM, PDRM dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Agensi-agensi lain seperti Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Penjara Malaysia dan *One Malaysia for Youth* (1M4U) turut memberi kerjasama, khususnya dalam aspek pelaksanaan PRB.

Di bawah program ini, KDP telah dipertanggungjawab untuk melaksanakan Program *Summer Camp* (PSC) 5 bagi peringkat Negeri Perak yang melibatkan penyertaan seramai 600 pelajar dari 15 buah sekolah. Program telah berlangsung di PLKN Desa Rimba, Chenderoh, Kuala

Kangsar, Perak bermula 25 hingga 29 Jul 16. ia telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Laksamana Muda Dato' Pahlawan Mior Rosdi Dato' Mior Mohd Jaafar iaitu Panglima Pendidikan dan Latihan TLDL.

Pelbagai aktiviti berbentuk latihan kerohanian dan moral yang bersesuaian telah dilaksanakan bagi membentuk sahsiah peribadi para remaja yang terlibat. Adalah diharapkan agar program seumpama ini akan terus dilaksanakan demi kepentingan dan kecemerlangan bersama di samping mengeratkan hubungan silaturrahim dan ukhuwah antara jabatan dan organisasi yang terlibat.



Latihan flying fox
(keyakinan diri)



TLDM BERJAYA LATIH 7040 Murid Sepanjang Program Remaja Berwawasan

Oleh: Lt Fazlan Fahme bin Puzi TLDM
Unit: MPPL TLDM

TLDM telah berjaya melatih seramai 7040 orang murid semenjak pelancaran Program Remaja Berwawasan dilancarkan pada tahun 2012 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Program ini merupakan agenda nasional di bawah inisiatif *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) 8 bertujuan membendung dan menangani masalah sosial yang semakin menular terutamanya dalam kalangan remaja yang masih berasokolah.

Tiga agensi utama iaitu ATM, PDRM dan Kementerian Pendidikan Malaysia terlibat secara langsung untuk menjayakan program ini. Program Remaja Berwawasan dikelolakan oleh Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan TLDM manakala unit KD SULTAN ISMAIL pula dilantik sebagai pasukan pengajar bagi peringkat Negeri Johor manakala KD PELANDOK untuk peringkat Negeri Perak setiap tahun. Program yang dianjurkan ini turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Latihan Khidmat Negara.

Program ini memperlihatkan komitmen TLDM dalam melaksanakan tanggungjawab sosial ataupun lebih dikenali sebagai *Corporate Social Responsibilities* (CSR) melalui penglibatan dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Usaha murni ini juga mendokong inisiatif NBOS untuk membentuk kerjasama yang erat di antara Agensi Kerajaan, Swasta, NGO mahupun masyarakat setempat.

Program ini dilihat mampu meningkatkan disiplin dan ketahanan diri, mengenal pasti potensi diri, mempraktikkan aktiviti yang boleh membangunkan sahsiah diri dan menjadikan remaja seorang yang berwawasan. Kejayaan ini dilihat amat berkesan berbekalkan pengetahuan, pengalaman mahupun tahap disiplin yang dimiliki oleh para jurulatih dari ketiga-tiga agensi amnya dan TLDM khasnya.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang lima hari program adalah *Icebreaking*, *Team Building*, *Flying Fox*, Rempuh Halangan, *Jungle Tracking*, Kawad, *Treasure Hunt*, Ikhtiar Hidup, *Abseiling*, ceramah jenayah oleh PDRM dan ceramah Jabatan Penjara Malaysia. Di samping itu, elemen kerohanian dan moral juga diterapkan melalui aktiviti Solat Berjemaah dan *Tazkirah* serta Kelas Moral bagi yang bukan beragama Islam. Kesemua aktiviti yang dijalankan ini adalah selaras dengan modul yang ditetapkan di dalam Program Remaja Berwawasan iaitu Modul Karakter, Modul Jati Diri, Modul Fizikal, Modul Keyakinan Diri, Modul Khidmat Sosial dan Komuniti, Modul Kreativiti serta

Modul Kerohanian dan Moral. Anugerah Sekolah Terbaik sepanjang berlangsung program diberikan berdasarkan kriteria yang ditetapkan antaranya semangat kerjasama berpasukan serta memenangi beberapa pertandingan yang dijalankan.

Keyakinan untuk meneruskan program ini semakin menebal selepas pembentangan hasil kajian impak yang dilaksanakan oleh pasukan penyelidik dari Universiti Pendidikan Sultan Idris pada tahun 2015 yang menunjukkan program ini dikategori sebagai '**Sangat Berkesan**'. TLDM akan kekal komited dalam melaksanakan program seumpama ini bagi membantu pihak kerajaan melahirkan pelajar yang terlibat untuk menjadi insan yang cemerlang dan gemilang.



Lawatan ke KD DUYONG



Para peserta mengharungi cabaran Jungle Tracking



Bacaan lafaz ikrar oleh adik Muhammad Norhaizad bin Rukiman



Aktiviti rempuh halangan



Johan...Pelajar SMK Tan Sri Jaafar Albar meraikan kemenangan sebagai sekolah terbaik



Pada tahun ini, Kampung Teluk Muroh telah dipilih sebagai lokasi pelaksanaan Program Jiwa Murni tahun 2016. Pemilihan lokasi bantuan ini dibuat setelah beberapa sesi perbincangan dengan penduduk setempat dan pemerhatian yang telah dilaksanakan atas faktor keprihatinan, TLDM telah memutuskan untuk membina sebuah rumah baru untuk seorang penduduk kampung tersebut, Puan Zaiton.

Projek ini merupakan hasil sumbangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambray Abdul Kadir, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan. Aktiviti pembinaan tersebut telah dimulakan pada 5 Apr 16 yang lalu bagi menyediakan rumah sementara untuk diduduki Puan Zaiton semasa kerja-kerja meroboh dan membersihkan tapak rumah lama dan siap sepenuhnya baru-baru ini. Seramai 30 anggota termasuk Pegawai TLDM dari pelbagai cawangan dan kepakaran telah terlibat secara langsung dalam pembinaan rumah ini.

Majlis penyerahan kunci rumah Puan Zaiton Awang yang merupakan seorang ibu tunggal yang menetap seorang diri di Kampung Longgok Belakang Masjid Teluk Muroh telah diadakan 20 Mei 16 lalu. Penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh Panglima Bantuan, YBhg Laksamana Madya Dato' Abdul Ghani Othman. Turut hadir pada majlis tersebut adalah Yang Berbahagia Dato Haji Azri Jaafar, Pegawai Khas Menteri Besar, Pegawai-pejawai Kanan dan Ketua Kampung Teluk Muroh serta warga Markas.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk memberikan khidmat masyarakat kepada warga setempat demi menyokong hasrat kerajaan dalam




KECEMERLANGAN PUSAT (PUSPEK) DALAM

Oleh: Lt Muhammad Zaharul Afiq
bin Muhd Khidhir TLDM



pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dan bertujuan memupuk sikap kerjasama serta mengeratkan silaturahim di kalangan warga markas dengan masyarakat setempat di samping memainkan peranan masing-masing dalam membangunkan negara serta mewujudkan warga yang prihatin.

Dalam pada itu, TLDM juga telah mengorak langkah dalam bidang pertanian. Projek NBOS 8 FERTIGASI bermula dengan rasminya pada 22 Apr 15. Majlis perasmianya telah disempurnakan YBhg Panglima Armada Laksdy Dato Mohamad Roslan Mohamad Ramli. Turut hadir dalam majlis itu ialah YBhg Panglima Bantuan Laksdy Dato' Abdul Ghani Othman, YBhg Pengarah Pertanian Negeri Perak





PERKHIDMATAN KOMUNITI MEREALISASIKAN NBOS



Encik Zabidi Dun, pegawai-pegawai serta warga pangkalan TLDM Lumut. Fertigasi (*fertilization*) berasal daripada perkataan '*ertilizer*' dan '*irrigation*'. Definisi Fertigasi adalah satu kaedah penanaman yang mana pemberian baja yang lengkap kepada tanaman diberikan dalam bentuk larutan dan disalurkan ke zon akar melalui sistem pengairan titis.

Kaedah ini sangat sesuai bagi tanaman sayur berbuah dan berdaun seperti tomato, timun jepun, cili merah, terung, melon, cili, sayur, strawberry dan juga pokok hiasan. Ringkasnya, sistem tanaman ini adalah sangat sesuai untuk tanaman yang bernilai tinggi di pasaran. Kaedah fertigasi mempunyai kelebihan tersendiri berbanding dengan kaedah konvensional. Sistem ini membantu pemberian nutrien lengkap yang boleh dikawal mengikut kehendak tanaman berdasarkan jenis dan peringkat pertumbuhan sesuatu tanaman. Medium tumbesaran dan persekitaran kaedah fertigasi menjamin kebersihan dan dapat menghindarkan masalah penyakit serta mengatasi masalah tanah seperti tidak subur, perumah penyakit dan perosak dan sebagainya. Dengan kaedah sistem penanaman ini juga sekaligus dapat meningkatkan hasil per unit kawasan dengan kepadatan tinggi. Ianya juga dapat mengurangkan masalah merumpai sekaligus mengurangkan kos buruh.

Bintara Muda Azizal Ahmad telah dilantik sebagai penyelia/pengusaha yang ditugaskan bagi penjagaan fertigasi. Beliau juga telah diamanahkan untuk melatih dan memberi pendedahan kepada *the Navy People* kepada bidang yang mampu menjana pendapatan sampingan serta kepada anggota yang bakal menamatkan perkhidmatan sebagai tempat latihan di dalam bidang pertanian berteknologikan FERTIGASI. Beliau juga telah dipertanggungjawabkan untuk memberi pendedahan kepada pelajar sekolah di pangkalan TLDM tentang kebaikan serta manfaat teknologi yang terkini berkaitan pertanian.

Dengan wujudnya NBOS 8 ini secara tidak langsung juga ianya memberi kemudahan kepada komuniti *the Navy People* untuk mendapat hasil tani yang lebih segar serta harga yang berpatutan. Hasil tani ini dipasarkan secara terus kepada pengguna khususnya warga pangkalan TLDM Lumut setiap minggu yang boleh diperolehi di Pasar Tani pada setiap hari rabu. Justeru warga pangkalan TLDM dapat mengurangkan kos perbelanjaan mereka sehari-hari serta tidak perlu keluar dari pangkalan lagi untuk mendapatkan hasil tani yang segar dan bermutu tinggi.



Dungun - Program Interaksi Bersama Nelayan dan Pelancaran Kad Rakam telah

dilaksanakan oleh Markas Wilayah Laut 1 (MAWILLA 1) pada 5 Jun 16 di pekarangan dewan terbuka Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Dungun, Terengganu.

Program Interaksi TLDM Bersama Nelayan dan Pelancaran Kad RAKAM di Dungun, Terengganu

Oleh: Lt Rahim bin Ghazi TLDM

Foto: Sel Perhubungan Raya MAWILLA 1

Program tersebut turut dihadiri Encik Roslee Daud, Pengurus Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar, Usahawan, Koperasi dan Kepenggunaan yang juga merupakan Adun Bukit Besi. Program ini adalah merupakan usaha berterusan TLDM bagi mendekati Komuniti Maritim di kawasan sekitar yang juga disifatkan sebagai mata dan telinga agensi penguatkuasa dalam menyelesaikan sebarang kes-kes jenayah yang berlaku di laut.

Dungun adalah lokasi ke-9 bagi Pelancaran Program RAKAM yang diperkenalkan oleh pihak TLDM yang bertujuan untuk membantu Komuniti Maritim sekiranya menghadapi sebarang masalah di laut. Panglima Wilayah Laut 1, Laksamana Muda Dato' Azhari Abdul Rashid telah memberikan penerangan kepada wakil Komuniti Maritim yang hadir termasuklah wakil Persatuan Nelayan Kawasan Negeri Terengganu, wakil Petronas serta nelayan tempatan berkenaan RAKAM.



Sesi Penerangan RAKAM oleh PANGWILLA 1



Ucapan Aluan oleh Wakil Komuniti Maritim

Sesi Penyerahan Kad dan Pelekat RAKAM

Turut dijelaskan ialah fungsi teras TLDM terutamanya MAWILLA 1 dalam memastikan keselamatan Komuniti Maritim yang berada di laut serta keselamatan perairan negara. Program RAKAM di Dungun, Terengganu pada kali ini telah berlangsung dengan jayanya. Dalam

pada itu, Sesi Dialog Tertutup bersama wakil Komuniti Maritim yang hadir turut diadakan dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Roslee Daud bersama Panglima Wilayah Laut 1 bagi membincangkan isu-isu semasa yang dihadapi oleh Komuniti Maritim ketika berada di laut.



Agihan Kad RAKAM oleh PANGWILLA 1



Acara Menampal Pelekat RAKAM di Bot Nelayan



Acara Dialog Tertutup



Sesi Bergambar Bersama Wakil Komuniti Maritim



Projek Jiwa Murni MENDEKATKAN MASYARAKAT AWAM DAN TLDM

Pelatih dan krew kapal sibuk mencabut rumput di sekitar padang

Oleh: Lt Nur Amelin Fatihah binti Ab Fatah TLDM
Pegawai Latih KLD TUNAS SAMUDERA

KLD TUNAS SAMUDERA dan Peserta Pelayaran 350/16 dari KD SRI PINANG telah melaksanakan satu projek jiwa murni bertempat di Padang Kampung A dan B, Ulu Melaka, Langkawi pada 22 Jul 16.

Kampung ini didiami seramai lebih 200 orang dan kebanyakannya penduduk kampung bekerja sendiri bagi menyara keluarga masing-masing.

Aktiviti ini bertujuan untuk memupuk semangat tolong menolong di kalangan warga kapal dan juga pelatih. Selain itu warga kapal dan pelatih juga mengambil peluang ini untuk mendekati dan beramah mesra dengan penduduk kampung. Seramai

20 warga kapal dan 24 orang peserta Pelayaran 350/16 terlibat dalam menjayakan projek ini. Projek pada kali ini berkonsepkan membersihkan kawasan padang, memotong rumput dan membersihkan dewan orang ramai.

Setelah selesai aktiviti jiwa murni, Ketua Kampung A menzahirkan penghargaan kepada semua warga kapal dan peserta pelayaran yang terlibat. Pihak kapal juga mengharapkan program seperti ini diteruskan pada masa akan datang. Ketua Kampung A juga memaklumkan bahawa mereka amat berharap untuk diadakan sukan persahabatan di antara penduduk kampung dan krew KLD TUNAS SAMUDERA.



Warga kapal dan penduduk kampung bergambar bersama-sama selesai aktiviti



Program Jiwa Murni **MAWILLA 1** bers

Oleh: Lt Rahim bin Ghozi TLDM

Foto: Sel Perhubungan Raya MAWILLA 1

Kuala Lipis – Tentera Laut Diraja Malaysia melalui Markas Wilayah Laut 1 (MAWILLA 1) yang berpangkalan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia telah menjayakan program jiwa murni bertempat di Pusat Pembangunan Modal Insan (PPMI) Mukim Budu, Kuala Lipis, Pahang.

Program yang berlangsung selama tiga hari dua malam telah bermula sejak 3 Jun 16 dan melibatkan seramai 80 orang pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat bersama-sama seluruh penduduk Kampung Mukim Budu. Program ini telah dirasmikan oleh Ahli Parlimen Kuala Lipis, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman Mohamed pada 4 Jun 16 dengan disaksikan oleh Ketua Staf MAWILLA 1, Kept Mohd Kindil Md Akim TLDM, warga *Navy People* serta penduduk kampung.

Program yang dijajakan ini adalah sebagai usaha pihak TLDM untuk menjalankan tanggungjawab sosial melalui khidmat kemasyarakatan terhadap keperluan komuniti di kawasan ini dan mengeratkan silaturahim serta mewujudkan kerjasama antara TLDM amnya serta MAWILLA 1 khasnya bersama penduduk tempatan.



sama AHLI PARLIMEN KUALA LIPIS

Di samping itu juga, program seumpama ini mampu melahirkan modal insan yang cemerlang sekali gus dapat meningkatkan sahsiah warga *Navy People* bagi merealisasikan Warga Minda Kelas Pertama di MAWILLA 1.

Aktiviti pembersihan Tanah Perkuburan Syuhada, gotong-royong memasak Bubur Lambuk bersama penduduk kampung, khidmat pemeriksaan kesihatan oleh Pusat Perubatan Angkatan Tentera MAWILLA 1 kepada penduduk kampung serta penyampaian sumbangan kepada penduduk kurang berkemampuan antara pengisian sepanjang program jiwa murni pada kali ini.

Bagi mengeratkan lagi hubungan *the Navy People* MAWILLA 1 bersama penduduk kampung, acara sukan seperti tarik tali dan futsal telah dianjurkan sekali gus menjadi wadah penghubung erat silaturahim yang sedia terjalin. Bagi pemantapan modal insan warga *Navy People* MAWILLA 1, aktiviti Jungle Tracking serta Go Green telah dilaksanakan sepanjang program ini diikuti pelancaran Go Green dengan simbolik penanaman dua batang pokok belimbing di pekarangan Pusat Pembangunan Modal Insan (PPMI).





Tekun...pelajar menunjukkan kesungguhan sepanjang program.



Cuba adik tengok yang ini...teknik jurulatih berjaya tarik minat pelajar.



Pelajar yang terlibat seronok mengikuti program yang dilaksanakan.



Komitmen fasilitator sepanjang program banyak membantu mempertingkat prestasi pelajar.

Projek Jiwa Murni 2016

PLKS-TUTORIAL

Posat Latihan Kapal Selam TLDM (PLKS) telah berjaya melaksanakan aktiviti Program Jiwa Murni (PJM) 2016 bersama Sekolah Kebangsaan Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (SK PTKK) pada 10 hingga 12 Mei 2016.

Untuk aktiviti PJM pada kali ini, PLKS telah menawarkan kepada pihak sekolah satu program khas kelas tutorial mata pelajaran Matematik kepada pelajar tahun 6 yang telah dikenal pasti tahap pencapaiananya rendah dan perlu diberi penekanan khas. Ini bagi membantu dan memotivasi mereka untuk mempersiapkan diri menghadapi peperiksaan sekolah dan Ujian Penilaian Sekolah Rendah(UPSR) bagi tahun 2016 yang bakal menjelang.

Aktiviti ini melibatkan seramai 12 orang pelajar tahun 6 SK PTKK bersama 14 orang fasilitator khas (1 pegawai dan 13 LLP) yang dilantik dari kalangan jurulatih PLKS berkepakaran ‘submariner’. Kelas tutorial khas ini telah dilakukan di bangunan PLKS selama tiga hari menggunakan bilik kuliah serta Alat Bantuan Mengajar (ABM) sedia ada.

Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk memenuhi tanggungjawab sosial unit terhadap masyarakat setempat di samping memenuhi keperluan *Key Performance Indicator* (KPI) PLKS dan MAKs bagi tahun 2016.

Program ini telah dimulakan dengan perbincangan bersama pihak sekolah (Pengetua dan guru Panitia Matematik) pada 6 Mei 2016. Melalui perbincangan tersebut, kata putus telah dicapai dan PLKS bersetuju untuk memberi penekanan kepada tiga topik utama mata pelajaran matematik kepada pelajar-pelajar yang terpilih iaitu Masa dan Waktu, Panjang Jisim dan Isipadu Cecair dan Ruang.

Bagi menjayakan program tersebut, pelajar-pelajar terpilih telah dibahagikan kepada dua



NASIONAL
LATIHAN
KAPAL SELAM



kumpulan mengikut bilik kuliah yang turut disertai enam orang pegawai dan jurulatih PLKS bagi setiap kumpulan sebagai tenaga pengajar dan fasilitator. PLKS turut menyumbang senaskhah buku rujukan khas matematik kepada setiap pelajar bagi menarik minat dan meningkatkan lagi kualiti pembelajaran di samping menggunakan segala kemudahan dan ABM yang ada di PLKS.

Sepanjang kelas tutorial berlangsung, pelajar-pelajar turut didedahkan dengan teknik-teknik serta rumus mudah untuk membantu mereka memahami serta menyelesaikan permasalahan matematik dengan lebih cepat dan mudah. Secara keseluruhannya diperhatikan pemahaman mereka sentiasa meningkat di setiap penghujung sesi pembelajaran.

Pada hari terakhir kelas iaitu 12 Mei 2016, sesi tutorial telah ditamatkan pada jam 1600 dan majlis penutup telah diadakan di bilik kuliah MATAKING, PLKS bermula jam 1630. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Pegawai Memerintah PLKS, Kepten Baharudin Wan Md Nor TLDM. Turut serta dalam majlis tersebut adalah Pengetua SK PTKK dan guru-guru panitia mata pelajaran Matematik serta warga PLKS yang terlibat.

Dari segi kos, jumlah keseluruhan perbelanjaan yang telah digunakan bagi program ini adalah sebanyak RM976 sahaja. Jumlah ini mencatat 89.5% penjimatan berbanding program jiwa murni yang diadakan pada tahun 2015 dan secara

tidak langsung menyahut saranan Panglima Tentera Laut dalam pelaksanaan langkah berjimat-cermat.

Berlanjutan dari kelas tutorial yang telah diadakan, pihak sekolah telah memaklumkan keputusan rasmi bagi kertas mata pelajaran matematik peperiksaan pertengahan tahun pelajar-pelajar tersebut pada 25 Mei 16. Peningkatan markah sebanyak 2 hingga 14% dicatatkan bagi pelajar-pelajar yang terlibat dengan kelas tutorial tersebut dan hanya seorang sahaja pelajar berkeputusan statik. Peningkatan markah tersebut adalah bukti yang menunjukkan PJM yang dilaksanakan adalah efektif dan bermanfaat.

Program ini telah memberi impak positif kepada pihak TLDM amnya dan PLKS khasnya melalui maklum balas positif yang diterima dari pihak pengurusan skolah. Ini juga menunjukkan yang TLDM sentiasa mengutamakan kebaikan warganya dan juga keluarga warga demi kecemerlangan anak-anak *the Navy People*. Program ini dilihat sebagai suatu usaha yang amat baik dan boleh diteruskan di masa hadapan kerana mempunyai faedah yang besar dan selaras dengan kehendak perkhidmatan.



Universiti Malaya, 20 Ogos 16 – DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Al-Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah dan DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim telah berkenan mencemar duli menyempurnakan Perbarisan Pentauliahan dan Pengurniaan Watikah Tauliah mewakili DYMM Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong. Istiadat penuh gilang-gemilang ini telah berlangsung di Universiti Malaya dan telah menyaksikan seramai 1675 Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) daripada ketiga-tiga cabang perkhidmatan ditauliahkan sebagai Pegawai Muda dalam Pasukan Simpanan Angkatan Tentera Malaysia.



Sultan Nazrin berkenan memeriksa perbarisan

Istiadat Pentauliahan Diraja **PEGAWAI KADET PALAPES UNIVERSITI AWAM KALI KE-35**

Istiadat pentauliahan ini disertai oleh Pegawai-pejawai Kadet dari 18 buah universiti awam seluruh Malaysia. Mereka telah berlatih selama dua minggu bagi memastikan persiapan sewajarnya dapat dilaksanakan. Anggota daripada ketiga-tiga perkhidmatan ATM telah berganding bahu dan menggembang tenaga sepanjang tempoh tersebut terutama sekali di padang kawad.

Selain itu, Pegawai-pejawai Kadet turut didedahkan dengan pengisian kerohanian bagi meningkatkan patriotisme dan jati diri masing-masing. Sebagai contoh, slot Ceramah Patriotik telah dijalankan dengan jayanya hasil perkongsian jemputan khas iaitu Pegawai Waran I (B) Ieliyas Ibrahim yang merupakan satu-satunya penerima Pingat Panglima Gagah Berani (PGB) dari Rejimen Wataniah oleh Kerajaan Persekutuan. Keberanian yang dipamerkan oleh beliau harus dicontohi semua apabila pada tahun pertama berkhidmat, beliau telah menembak mati musuh dalam satu tugas mengambil rangsum. Keberanian beliau yang sanggup berkorban nyawa demi melawan keganasan komunis ini berjaya memberi inspirasi dan kesan yang mendalam ke dalam diri Pegawai-Pegawai Kadet.

Selain itu, pengisian aktiviti pada waktu malam turut diselitkan dengan Taklimat Kerjaya mengikut cabang perkhidmatan masing-masing. Bagi Pegawai Kadet dari PALAPES Laut, satu sesi taklimat oleh Ketua Pegawai Rekod KD SRI KLANG Kdr Norma Abdul Halim PSSTLDM telah memberi pendedahan kepada peluang kerjaya Pegawai Kadet selepas ditauliahkan. Menurut Kdr Norma, pentauliahan bukanlah titik akhir seorang pegawai PALAPES, sebaliknya mereka sangat dialu-alukan untuk bergiat aktif di unit-unit Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM) terdekat. Tambah beliau, Pegawai-pejawai Muda yang masih mempunyai baki pengajian di universiti boleh terus menyertai aktiviti PALAPES Laut di universiti masing-masing.

Seterusnya, Malam Akrab Pegawai Kadet PALAPES telah diadakan pada malam 12 Ogos 2016 di pekarangan

Oleh: Lt Ahmad Amal Abdul Hamid TLD
Pegawai Staf KD SRI KLANG



Segak dalam perbarisan

Kompleks PALAPES Universiti Malaya. Objektif Malam Akrab tercapai melalui penyatuan sesama Pegawai Kadet dan jurulatih daripada 18 buah IPTA. Keindahan bulan purnama pada malam tersebut diserikan lagi dengan persembahan bunga api yang mengakhiri Malam Akrab Pegawai Kadet.

Latihan sempena perbarisan tersebut telah dipertanggungjawabkan kepada Markas Latihan Tentera Darat dengan kerjasama unit-unit PALAPES Universiti Awam seluruh Malaysia. Sepanjang dua minggu latihan perbarisan, sebanyak tiga kali raptai penuh telah diadakan mengikut pergerakan masa seperti hari sebenar. Hal ini bertujuan untuk mencipta suasana hari istiadat sebenar di samping untuk memperuntukkan masa dalam setiap pergerakan seperti yang ditetapkan. Raptai pertama diadakan pada 9 Ogos 2016 yang turut dihadiri Pengarah Pengurusan Latihan (PPL) Markas Latihan manakala raptai kedua iaitu raptai Panglima Latihan dijalankan pada 13 Ogos 2016 yang dihadiri Panglima Latihan Tentera Darat sendiri iaitu Mejaz Jeneral Dato' Paduka Tengku Ahmad Noor Tuan Chik. Raptai penuh terakhir telah dilaksanakan oleh Timbalan Panglima Tentera Darat (TPTD) pada 16 Ogos 2016.

Menjelang 19 Ogos 2016, majlis tahlil dan Forum Perdana Ehwal Islam telah diadakan di Surau Akademik Pengajian

Islam Universiti Malaya. Majlis penuh barakah ini bertujuan untuk memohon keberkatan dan mendoakan kelancaran Majlis Istiadat Pentaulahan Pegawai Kadet PALAPES. Di samping itu, majlis tahlil ini juga bertujuan untuk mendoakan para pejuang tanah air yang telah banyak menabur bakti kepada negara Malaysia tercinta.

Istiadat Pentaulahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam kali ke-35 pada 20 Ogos 2106 berlangsung dengan bertemakan 'Watan Martabat Negara Bangsa Berdaulat' dan dimulakan dengan upacara perbarisan pentaulahan bertempat di Padang Kawad Kompleks PALAPES Universiti Malaya.

Turut hadir di majlis itu adalah Panglima Angkatan Tentera, Panglima-Panglima Perkhidmatan serta Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi. Tidak ketinggalan, semua Naib-Canselor Universiti- universiti Awam yang terlibat, orang kenamaan negara, ibu bapa dan tetamu lain.

Titah DYMM Paduka Seri Sultan Perak banyak menyentuh mengenai Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia. Baginda menyeru masyarakat awam untuk menghargai pengorbanan anggota keselamatan dalam memperoleh keamanan dan kemakmuran yang berjaya dikecapi sehingga kini. Baginda juga memuji sikap keberanian dan patriotisme Pegawai Kadet yang berjaya melalui proses transformasi fizikal, minda dan kerohanian. Di samping itu, sekalung tahniah turut dizahirkan kepada siswa-siswi Universiti Awam kerana mempunyai kesungguhan yang mendalam untuk menyertai perkhidmatan tentera. Sejurus selepas menyampaikan titah, Baginda Sultan Perak dengan rasminya mentaulahkan 1675 orang Pegawai Kadet sebagai Pegawai Muda di dalam Pasukan Simpanan Angkatan Tentera Malaysia. Seterusnya Baginda berangkat dari Padang Kawad untuk menzahirkan majlis penyampaian watikah tauliah di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya.

Selesai istiadat pentaulahan, Pegawai-Pegawai Muda PSSTLDM yang baru ditauliahkan telah diraikan dalam satu Majlis Makan Beradat atau *Commissioning Ball* pada 21 Ogos 16 di Sime Darby Convention Centre (SDCC). Majlis ini telah dipengerusikan oleh Pegawai Memerintah KD SRI KLANG, Kepten Prof. Madya Dr. Jamalulaili bin Abdullah PSSTLDM.

Majlis Makan Malam Beradat pada tahun ini telah dihadiri oleh Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Dato' Anuwi Hassan, Asisten Ketua Staf Sumber Manusia, Laksamana Muda Dato' Abdul Rahman Abdul Karim TLDM, Pegawai Memerintah KD SRI MEDINI, Laksamana



Pegawai-Pegawai Muda PSSTLDM bersama Pegawai Koordinasi Ketika Majlis Makan Malam Beradat.

Pertama Dato' Prof. Dr. Ir. Alias Mohd Noor PSSTLDM, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu, Timbalan Komandan PALAPES Universiti Malaya dan Pengarah Cawangan Simpanan, Kepten Khir Junaidi Idris TLDM.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Negaraku dan Ucap Selamat untuk DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-pertuan Agong. Suasana majlis juga rancak dihiasi dengan irungan muzik instrumental daripada anggota Pancaragam KD PELANDOK. Anugerah Pegawai Kadet Terbaik Akademik turut disampaikan kepada 10 Pegawai Muda pada malam tersebut.

Pada sesi ucapan beliau, Laksamana Madya Dato' Anuwi telah mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai yang baru ditauliahkan atas kejayaan dan komitmen yang diberikan sepanjang tempoh latihan. Beliau turut memuji kekemasan dan etika para tetamu yang hadir pada majlis tersebut. Antara pesanan yang disampaikan oleh beliau adalah berkenaan perkhidmatan pegawai-pegawai selepas ditauliahkan dalam unit-unit PSSTLDM. Beliau berharap agar kesemua pegawai yang diraikan dapat menyumbang bakti kepada perkhidmatan.

Istiadat Pentaulahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES tahun ini telah berlangsung dengan jayanya. Acara keluar medan pada akhir perbarisan merupakan satu simbolik penghormatan jurulatih kepada pegawai yang baru ditauliahkan. Majlis pengurnian watikah pula merupakan simbolik perjuangan para Pegawai Kadet yang berjaya menempuh onak dan duri sepanjang latihan selama tiga tahun ini. Namun, pengurnian pangkat Leftenan Muda PSSTLDM ini turut disertai dengan tanggungjawab yang harus dipikul dan merupakan satu pintu gerbang yang menandakan permulaan baru dalam kerjaya seorang Pegawai Simpanan.



Pegawai Kadet Universiti Malaya bergambar kenangan sebelum raptai perbarisan pentaulahan bermula

Program Pengimaranan Masjid MENINGKATKAN KEROHANIAN WARGA

Masjid merupakan sebuah institusi yang amat penting dalam pembangunan Islam dan umatnya. Perkara pertama yang dilakukan oleh Rasulullah SAW selepas berhijrah dari Mekah ke Madinah ialah membina sebuah masjid yang diberi nama masjid Quba'. Masjid telah menjadi tempat ibadah kepada seluruh umat Islam dan merupakan pusat penyebaran dakwah dan ilmu-ilmu Islam, solat berjemaah, pengajian agama malah majlis sambutan hari-hari kebesaran Islam turut dilaksanakan di masjid. Semua elemen ini merupakan pemangkin kepada kerohanian umat Islam keseluruhannya.

Masjid An-Nur Pangkalan TLDM Lumut mengambil pendekatan ini dengan menganjurkan pelbagai program ilmu bertujuan meningkatkan kerohanian warga. Antara program yang dilaksanakan ialah:

- **Solat Berjemaah Lima Waktu.** Ia merupakan agenda rutin yang dilaksanakan pada setiap hari mengikut penggiliran yang dikeluarkan bagi setiap formasi, penggiliran bagi setiap formasi adalah bermula daripada Solat Subuh hari pertama sehingga Isyak hari terakhir penggiliran, Selain formasi yang ditugaskan, anggota daripada formasi-formasi yang bukan dalam giliran juga digalakkan untuk hadir.
- **Program membudayakan Al-Quran.** Program ini dilaksanakan pada setiap Isnin, Selasa dan Rabu sebaik sahaja selesai solat Subuh, ia mengambil masa selama 10 minit.
- **Program memahami hadis Nabi Muhamad SAW.** Ia dilaksanakan pada setiap Khamis dan Jumaat, selepas solat Subuh, mengambil masa selama 10 minit pada hari Khamis dan 30 minit pada hari Jumaat.
- **Kuliah Zohor.** Ia dilaksanakan pada setiap hari bekerja mulai jam 1300 hingga 1330. Solat Zohor berjemaah akan dilaksanakan pada jam 1330.
- **Kuliah Maghrib.** Kuliah maghrib dilaksanakan pada setiap hari, penceramah terdiri daripada pegawai dan anggota KAGAT serta ustaz jemputan

sekitar daerah Lumut dan Seri Manjung. Subjek pengajaran meliputi aqidah, ibadah dan akhlak.

- **Kuliah Subuh dan Bacaan Mathurat.** Kuliah Subuh dilaksanakan pada setiap hari Ahad setelah menunaikan solat Subuh. Bacaan Mathurat pula diadakan pada setiap Subuh Sabtu sebaik sahaja selesai solat Subuh.
- **Subuh Seperti Jumaat.** Program dikenali dengan **Program Gempur Subuh.** Ia dilaksanakan pada setiap Jumaat mulai jam 0500, program dimulai dengan qiamullail, solat Subuh berjemaah diikuti dengan tazkirah subuh, program berakhir pada jam 0700. Program ini telah dilaksanakan sejak September 2014 dan telah sebatи dengan jiwa semua warga pangkalan.

Objektif program ini adalah seperti berikut:

- a. Meningkatkan (Siyar Islam) melalui Solat Subuh berjemaah seperti Solat Jumaat.
 - b. Menjana kekuatan *spiritual* melalui solat berjemaah pada aktiviti harian.
 - c. Melahirkan warga Pangkalan TLDM yang komited dengan solat berjemaah bermula daripada Solat Subuh.
 - d. Menjana jati diri dan mendidik jiwa warga TLDM dengan didikan Islam (Turbiah Islamiah) yang paling utama.
 - e. Memupuk semangat persaudaraan Islam (Ukhuwwah Islamiah) melalui institusi masjid.
- **Ceramah Bulanan, Hari Kebesaran Islam dan ATM.** Selain itu, masjid juga menganjurkan program ceramah bulanan dan sempena hari kebesaran Islam. Ceramah bulanan diadakan dengan kekerapan 2 kali sebulan, kebiasanya pada setiap minggu kedua dan keempat. Tajuk-tajuk ceramah bulanan dan hari kebesaran Islam mengambil kira dengan peristiwa taqwim bulan Islam dan isu-isu semasa.
 - **Seminar dan Kursus.** Masjid juga menganjurkan seminar, kursus-kursus dan turut bekerjasama



melaksanakan program-program kerohanian Islam bersama Badan Kebajikan Hal-ehwal Islam TLDM (BHEIK) dan agensi-agensi agama negeri.

USAHA MENARIK MINAT WARGA BERKUNJUNG KE MASJID

- **Mewujudkan Pusat Informasi.** Rawatan Islam dan Shoppe An-Nur. Bagi menarik minat warga untuk mendekati masjid di samping mempelbagaikan peranan dan fungsi masjid. Masjid An-Nur telah mewujudkan Pusat Informasi, Rawatan Islam dan Shoppe An-Nur, ia telahpun beroperasi sejak April 2014 dan mendapat sambutan yang memberangsangkan di kalangan warga pangkalan.
- **Tabung Bagi Mereka Yang Memerlukan.** Tabung ini diwujudkan bagi membantu ahli kariah Masjid An-Nur yang dalam kesmpitan, ia antara usaha Masjid An-Nur melebarkan usaha dakwah.
- **Jamuan Makan.** Pihak masjid akan menyediakan sajian pada setiap malam jumaat dan selepas kuliah subuh yang melibatkan pengkuliah jemputan sahaja pada hari Ahad. Ia bukanlah matlamat kepada majlis, tapi sebagai platform untuk



menjalinkan persaudaraan, sambil menjamu selera para jemaah dapat beramah mesra sesama mereka, suasana ini akan merapatkan hubungan dan melahirkan kemesraan di kalangan jemaah.

PENGIMARAHAN SECARA KONSISTEN

Pematuhan terhadap Pekeliling yang dikeluarkan. Pemerksaan terhadap pengimaran Masjid An-Nur adalah ditunjangi oleh kerja keras pimpinan tertinggi di pangkalan ini. Pelaksanaan pengimaran secara konsisten ini adalah manifestasi daripada pematuhan terhadap Pekeliling Markas Pemerintahan Armada No. 4/14 Kempen Jom Solat Berjemaah dan Aktiviti Keagamaan bagi warga beragama Islam di Pangkalan TLDM Lumut bertarikh 25 Sep 14. Kerjasama daripada Pegawai Memerintah, jawatan kuasa masjid dan ketua apartment juga memainkan peranan penting bagi menyokong usaha-usaha menguatkuaskan pekeliling yang dikeluarkan.

HASIL

Hasil daripada mujahadah dan kesabaran semua peringkat warga Pangkalan, Alhamdulillah amalan mulia ini telah mengisi sebahagian besar rutin kehidupan harian warga pangkalan. Inilah penterjemahan Islam sebagai Ad Deen dalam kehidupan iaitu Islam sebagai cara hidup. Amalan mengimarkan masjid ternyata memberi impak yang besar terhadap aspek kemasyarakatan dan kerohanian warga pangkalan. Ia seperti berikut:

- a. Membudayakan cara hidup Islam dalam kehidupan sehari-hari.
- b. Mempamerkan dan meninggikan syiar Islam di dalam pangkalan.
- c. Menjalinkan ikatan persaudaraan (Ukhuwwah) di kalangan jemaah dan warga.
- d. Meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam di kalangan warga.
- e. Mengurangkan kesalahan jenayah dan disiplin terutama di kalangan warga *the Navy People* di Pangkalan TLDM Lumut.

KESIMPULAN

Pelaksanaan aktiviti kerohanian seumpama ini sekali gus telah menjayakan kehendak Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT 9/91) iaitu melaksanakan program kerohanian di kalangan warga ATM dengan jumlah masa 750 jam setahun.



PROGRAM KEPIMPINAN DAN JATI DIRI MAKTAB TENTERA DIRAJA (MTD)

Oleh: Lt Nurul Huda binti Harun TLDM

Foto: Lt Muda Mohamad Syafiq bin Johari TLDM

Lumut - KDSI I telah berjaya menganjurkan Program Kepimpinan dan Jati diri Maktab Tentera Diraja (MTD) bermula pada 31 Mei 16 sehingga 5 Jun 16.

Majlis Penutupan Program Kepimpinan dan Jati Diri Putera Tingkatan Empat Maktab Tentera Diraja (MTD) ini diadakan pada 3 Jun 16 di Auditorium Venus KDSI I. Seramai 59 orang pelajar telah berjaya memperolehi Sijil Penyertaan program tersebut. Majlis penyampaian sijil dan penutupan tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Jurulatih KDSI I Kdr Mohd Amin Mat Tahir TLDM yang merupakan salah seorang bekas Putera Kompeni Delta tahun 86-90.

Beliau juga sempat menasihatkan supaya para pelajar meneruskan kejayaan dan legasi MTD pada masa akan datang seiring dengan moto mereka iaitu Berkhidmat Memimpin atau *Serve to Lead*. Selain itu, beliau juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada para pelajar kerana telah berjaya menjalankan setiap aktiviti yang telah diatur dengan bersungguh-sungguh dan terbaik.

Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah seperti latihan fizikal pagi, larian pangkalan, pengenalan tentang lawatan malam, pengenalan *Mess etiquette*, aktiviti bersama Pusat Kepimpinan, merempuh halangan, jalan lasak, latihan di **TANGKAS**, *Water Confident* dan latihan mendayung.

Para pelajar juga berpeluang membuat lawatan ke KD HANG TUAH, Markas Udara, KD DUYONG dan WASPADA. Para pelajar turut berpeluang melihat demonstrasi dari pihak KD DUYONG dan melihat sendiri bagaimana latihan di WASPADA dijalankan. Melalui latihan yang telah dijalankan, kesemua pelajar dapat menguji tahap kekuatan mental dan fizikal masing-masing di samping dapat menambah ilmu pengetahuan tentang TLDM.

Selain itu, para pelajar juga telah berpeluang untuk menghadiri program 'Gegar Subuh' yang telah sekian lama dijalankan di Masjid An Nur Pangkalan TLDM Lumut. Para pelajar juga telah berpeluang berjumpa dan berkenalan dengan Panglima Armada ketika menghadiri program tersebut. Pihak KDSI I juga telah mengadakan satu Majlis Makan Malam bersama para pelajar MTD tersebut. Majlis yang bertemakan 'Kampung Night' ini dianjurkan sebagai simbolik kepada penutupan program ini di



samping dapat melihat bakat-bakat para pelajar melalui persembahan yang dilakukan.

Program seperti ini dilihat dapat memberikan pendedahan awal kepada para pelajar tentang TLDM di samping dapat memberikan panduan dan inspirasi kepada para pelajar untuk menentukan hala tuju kerjaya mereka kelak.





Latihan Sambil Belajar Laskar dalam LATIHAN DI KAPAL-KAPAL TLDM

Oleh: PW II JTP (I,H) Pantai Nganyup, KD PELANDOK

Latihan Sambil Belajar (LSB) yang kini telah giat dilaksanakan oleh Pusat Latihan iaitu di KD PELANDOK di mana semua pelatih-pelatihnya harus menjalankan latihan praktikal tersebut di kapal-kapal TLDM yang berlabuh di Tambatan Pangkalan TLDM Lumut. Ini adalah usaha dan kerjasama rapat di antara Pemerintahan Markas Armada dan juga Pegawai Memerintah kapal-kapal di mana tumpuk kepimpinan tertinggi bersetuju untuk memberi ruang kepada pelatih-pelatih KD PELANDOK supaya latihan praktikal ini diterap berterusan untuk membentuk modal insan yang berketrampilan dan kompeten semasa menjalankan Latihan Sambil Kerja (LSK) sebenar kelak.

Tiga fakulti yang terlibat iaitu Fakulti Pelaut, Fakulti Kejuruteraan serta Fakulti Bekalan dan Pengurusan. Objektif utama LSB adalah memberi pendedahan awal kepada Laskar Dalam Latihan (LDL) tentang budaya kerja sebenar di kapal. Selain itu, LDL dapat mengaplikasikan teori yang dipelajari di samping dapat mempraktikkan semasa LSB di kapal.

Secara tidak langsung, LSB yang dilaksanakan itu berupaya menjelaskan dari segi aspek pembelajaran yang kondusif semasa di KD PELANDOK. *Naval Terminology* dapat membudayakan penggunaan *Naval Terminology* semasa mengikuti latihan di kapal. Ini dapat meningkatkan pengetahuan kepada LDL berkaitan dengan aspek *Naval Terminology* sepanjang mengikuti rutin di kapal. Pembelajaran seperti ini berupaya memberi kefahaman yang jelas kepada LDL.

Objektif seterusnya, iaitu kepelbagaian konsep latihan. Pendedahan ini berupaya mempelbagaikan konsep latihan yang dicorakkan kepada LDL. Selain berpeluang menaiki kapal, ianya juga adalah sebagai persediaan untuk LDL sebelum ditempatkan bagi menjalankan LSK di kapal kelak. Untuk itu, kehadiran LDL ini di kapal dapat membina sikap kepimpinan warga di samping

dapat melaksanakan perkongsian pengetahuan dan pendapat malah memberi bimbingan dan tunjuk ajar yang bernalas. Ini secara tidak langsung dapat memupuk keyakinan warga kapal dalam memantau dan mengkoordinasikan sesuatu tugas serta menentukan tahap pengetahuan warga sentiasa di tahap yang terbaik.

Pelaksanaan latihan ini adalah dua kali sebulan iaitu pada hari sabtu bermula pada jam 0800H hingga 2000H yang dikodinasikan oleh Jabatan Pengurusan dan Lathan (JPL) KD PELANDOK di mana jabatan ini bertanggungjawab sepenuhnya bagi mendapatkan penempatan kapal-kapal yang terlibat.

Dengan pelaksanaan LSB ini maka iaanya dapat memberi satu gambaran yang lebih jelas lagi kepada LDL itu kelak supaya dapat mengimplimasikan setiap tugas-tugas teras yang patut dilaksanakan dengan lebih komited dan efisien. Ini dapat menampilkan konsep personaliti *The Navy People* seterusnya memangkin kesiapsiagaan dari segala aspek fizikal dan mental anggota. Dengan itu dapat kita selaraskan erti kata '*The World Class of Navy*' sejajar dengan kata-kata amanat oleh Yang Bahagia Tan Sri Panglima Tentera Laut.





Australian Defence Force English Language Profiling System (ADFELPS)

Ujian ini digunakan untuk menentukan kelayakan bahasa Inggeris pegawai dan anggota lain-lain pangkat bagi ketiga-tiga perkhidmatan serta awam untuk kursus-kursus dalam dan luar negara berdasarkan keperluan *course profiles* yang disediakan oleh negara penganjur yang terlibat.

Ujian ADFELPS ini juga tidaklah terhad untuk pencalonan kursus dalam dan luar negara tetapi ianya terbuka kepada anggota Angkatan Tentera Malaysia bagi menguji tahap penguasaan bahasa Inggeris mereka. Pihak *Defence International Training Centre* (DITC) telah menyediakan satu kemudahan pembelajaran secara *on-line* yang dikenali sebagai *Virtual On-Line Language Learning Site* (VOLLS) untuk memberi pendedahan kepada pegawai dan anggota ATM sebelum menduduki ujian ADFELPS. Sistem ini boleh diakses melalui laman web www.ditc.net.au.

OBJEKTIF

Ujian bahasa Inggeris bagi penempatan kelayakan khas dapat membantu Markas-Markas Perkhidmatan menentukan tahap kelayakan asas penguasaan bahasa Inggeris para pegawai, anggota LLP dan awam bagi pencalonan kursus bahasa Inggeris di dalam dan luar negara. Umumnya para calon akan dinilai dalam empat kemahiran iaitu *Speaking*, *Listening*, *Reading* dan *Writing* di mana mereka perlu mencapai tahap minimum yang ditetapkan bagi sesuatu kursus.

TEMPOH SAH UJIAN ADFELPS

Keputusan ujian bahasa Inggeris ADFELPS adalah sah digunakan bagi tempoh satu (1) tahun daripada tarikh ujian yang diambil oleh calon-calon yang terlibat. Sekiranya keputusan calon tidak mencapai tahap penguasaan yang dikehendaki maka calon-calon yang terlibat boleh menduduki semula ujian bagi memperbaiki keputusan ujian terdahulu selepas 3 bulan dari tarikh ujian terakhir diambil.

PENCALONAN

Pencalonan untuk menduduki ujian bahasa Inggeris ADFELPS adalah melalui Cawangan Sumber manusia Markas Tentera Laut berdasarkan keperluan semasa.

PUSAT-PUSAT UJIAN ADFELPS

Bagi melaksanakan ujian bahasa Inggeris ADFELPS terdapat 6 buah pusat ujian di seluruh Malaysia yang memberikan kemudahan perkhidmatan ini. Senarai pusat ujian adalah seperti berikut:

- a. Lokasi : Pejabat Pendidikan, Mk 1 Div, Kuching.
Urus Setia : Pegawai Pendidikan.
- b. Lokasi : Akademi Tentera Darat (ATD) – Kolej PTT, Port Dickson.
Urus Setia : Jurulatih Kanan Sel Pendidikan IPDA
- c. Lokasi : Maktab Tentera Diraja (MTD), Sg Besi.
Urus Setia : PS Bahasa/Terjemahan, Jabatan Arah Pendidikan.
- d. Lokasi : KD PELANDOK, Pangkalan TLDM Lumut.
Urus Setia : Ketua Fakulti Pendidikan.
- e. Lokasi : Institut Teknologi Aerospace (ITAS) – KTU, Alor Setar.
Urus Setia : Pegawai Pendidikan.
- f. Lokasi : Perpustakaan KEMENTAH.
Urus Setia : PS Bahasa/Terjemahan, Jabatan Arah Pendidikan.



PEMBIAYAAN

Peribadi Berpenjamin
SEHINGGA

RM 200,000**

NIKMATI PENINGKATAN

Pembayaran Baru Koperasi Tentera

**MOHON
SEKARANG**

Di mana-mana pejabat
Koperasi Tentera
berdekatan anda

Tempoh bayaran
sehingga **10 Tahun****
berdasarkan TTP
pemohon dan penjamin

2 ORANG PENJAMIN
dalam perkhidmatan
Angkatan Tentera Malaysia

Kiraan jumlah pembayaran
berdasarkan jumlah
pendapatan **X 20 kali ****

** Tertakluk kepada terma dan syarat

Untuk maklumat lanjut sila hubungi kami di talian 03-40272600 atau
emel kepada customercare@katmb.com.my

www.katmb.com.my

BERITA SEMASA



LAWATAN KAPAL TENTERA LAUT INDIA ke MALAYSIA ERATKAN HUBUNGAN BERSAMA TLDM

Oleh: PW II PNK Md Nasir Mohamed

Foto: LK TNL Harirol Nizam/LK PNK Mohd Nazwan



Pelabuhan Klang - Tiga buah kapal Tentera Laut India, INS SAHYADRI (F49), INS SHAKTI (A57) dan INS KIRCH (T62) telah tiba di Pelabuhan Klang dalam rangka lawatan ke Malaysia selama empat hari mulai 15 hingga 19 Julai 2016.

Tujuan lawatan ini adalah untuk meningkatkan kerjasama hubungan dua hala, lawatan operasi, ulang bekal serta istirehat. Pelayaran kapal ini turut diikuti oleh *Flag Officer Commanding Eastern Fleet, Rear Admiral SV Bhokare*.

LAWATAN KAPAL TENTERA LAUT DIRAJA AUSTRALIA KE LANGKAWI

Oleh: Perhubungan Awam MAWILLA 3

Langkawi – Sebuah kapal Tentera Laut Diraja Australia (TLDA), HMAS SUCCESS yang dalam penugasan bantuan logistik bagi operasi persempadanan telah merapat di Jeti Awana Porto Malai, Langkawi selama empat hari mulai 21 hingga 24 Jul 16.

Tujuan lawatan kapal ini ke Langkawi ini adalah untuk melaksanakan ulang bekal selain beristirahat dan rekreasi sebelum meneruskan pelayaran bagi penugasan bantuan logistik.

Kapal HMAS SUCCESS adalah kapal dari jenis *Underway Replenishment Tanker* yang diketuai oleh Kdr Michael Letts TLDA bersama 25 orang pegawai dan 237 anggota lain-lain pangkat. Seterusnya warga kapal turut mengadakan perlawanan persahabatan futsal dan bola tampar di antara TLDM dan TLDA. Selain itu, warga MAWILLA 3 seramai 40 orang turut berpeluang membuat lawatan di kapal. Ketibaan kapal di Jeti Awana Porto Malai disambut oleh Ketua Pegawai Staf



Operasi, Kdr Shahris Faisal Abdullah TLDM dan pegawai-pegawai MAWILLA 3.

Wakil ejen yang dilantik turut berada di jeti bagi menyambut ketibaan kapal. Sesi perjumpaan dan taklimat keselamatan kepada Pegawai Memerintah dan pegawai-pegawai kapal telah diadakan di Wisma Pegawai (wardroom) kapal sejurus kapal selesai merapat.





LAWATAN KAPAL TENTERA LAUT Republik Rakyat Algeria (TLRRA), Krra Ezzadjer Ke Malaysia

Oleh: PW II PNK Md Nasir Mohamed
Foto: LK II PNK Khairul Najmi

Pelabuhan Klang – Sebuah kapal TLRRA, KRRA EZZADJER (922), telah merapat di *Boustead Cruise Centre* (BCC), Pelabuhan Klang dalam rangka lawatan operasi ke Malaysia mulai 25 hingga 28 Jul 16.

KRRA EZZADJER berkelajuan 27 knot telah dinauliahkan pada tahun 2015. Kapal ini merupakan aset peperangan paras permukaan yang dilengkapi

dengan keupayaan meriam utama 76mm dan meriam anti-udara 30mm.

Antara program yang telah dilaksanakan sempena lawatan ini termasuk kunjungan hormat Pegawai Memerintah kapal ke atas Ketua Pengarah Pusat Hidrografi Nasional (PHN), Laksamana Muda Dato' Pahlawan Zaaim Hasan. Pertemuan dan interaksi dilihat mampu mengeratkan lagi persahabatan antara TLDM dan TLRRA di samping menyokong teras hala tuju Kementerian Pertahanan dari segi aspek diplomasi pertahanan.

DIRAJA AUSTRALIA ERATKAN PERSAHABATAN

MESYUARAT NAVY TO NAVY TALKS KE-11 BERSAMA TENTERA LAUT

Oleh: PW II PNK Md Nasir Mohamed
Foto: LK TNL Mohd Shahidan Azizan

Kuala Lumpur - Mesyuarat dua hala *Navy to Navy Talks* Ke-11 antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Laut Diraja Australia (TLDA) telah diadakan pada 28 hingga 29 September 2016 bertempat di Wisma Perwira ATM.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk menyelaras dan menambah baik aktiviti-aktiviti bilateral antara kedua-dua tentera laut bagi mewujudkan peluang berinteraksi yang berteraskan diplomasi pertahanan melalui program lawatan kapal, teknikal dan latihan. Program ini juga, mampu mewujudkan jaringan erat antara TLDM dan TLDA dalam konteks menangani cabaran keselamatan maritim di rantau ini khususnya melibatkan jenayah rentas sempadan.

Malahan, *Navy to Navy Talks* ini menunjukkan kesungguhan dan komitmen Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terhadap Australia yang mengamalkan dasar terbuka khususnya di kalangan negara sahabat dan mengeratkan lagi hubungan yang sedia terjalin antara Malaysia dan Australia.

Mesyuarat ini diakhiri dengan sesi menandatangi minit mesyuarat dan pertukaran cenderahati di antara kedua-dua pihak.



SIAP 2019 - KOMPLEKS WISMA BINTARA ATM BERI KESELESAAN, NAIKKAN MORAL BINTARA

Oleh: PW I PRL Normahaily binti Mohd Nor
Foto: Sel Komunikasi Strategik, MktL

KUALA LUMPUR – Kompleks Wisma Bintara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang dijangka siap pada 2019 menjanjikan keselesaan sekali gus menaikkan moral golongan Bintara yang bakal menginap di blok kediaman baharu berhadapan Masjid Khalid Al-Walid itu.

Upacara pecah tanah projek pembangunan kompleks yang terletak di Jalan Padang Tembak tersebut telah disempurnakan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dalam majlis yang penuh signifikan pada 27 Sep 16 lalu.

Kompleks tersebut merangkumi satu blok kediaman 10 tingkat yang mengandungi 200 unit bilik dan 115 unit tempat letak kenderaan berbumbung serta turut dilengkapi dewan makan, dewan bankuet dan gelanggang sukan.

Kompleks bernilai RM45 juta itu merupakan inisiatif Kementerian Pertahanan melalui Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA). Ia merupakan salah satu projek pembangunan semula Wisma Bintara ATM yang telah dirobohkan pada tahun 2013. Objektif pembinaan bangunan asal pada tahun 1978 itu bagi memudahkan ahli-ahli Wisma Bintara ATM melakukan aktiviti-aktiviti sosial, kebajikan dan riadah selain dijadikan tempat penginapan bagi mereka yang belum berumah tangga atau tinggal berjauhan dari keluarga.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Sri Abdul Rahim Mohd Radzi, Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Laut, Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Haji Ahmad Badaruddin, Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Datuk Sri Roslan Saad dan Ahli Parlimen Setiawangsa, Datuk Ahmad Fauzi Zahari.



PENUTUP KURSUS ASAS KOMANDO PASKAL Siri **61/2016** CIPTA SEJARAH TERSENDIRI

Oleh: Lt Kdr Noor Azley bin Othman TLDm

Majlis Penutup Kursus Asas Komando PASKAL Siri 61/16 telah dilaksanakan di Padang Kawad Markas PASKAL pada 28 Julai 16. Upacara penutup dan pemakaian Beret PASKAL ini telah disempurnakan oleh Panglima Pasukan Khas Laut, Laksamana Pertama Jamalludin Mohd Saman.

Seramai dua orang pegawai dan 81 orang anggota lain-lain pangkat telah menyertai kursus ini pada peringkat awal. Selepas mengharungi latihan yang mencabar fizikal dan mental, hanya 23 orang penuntut sahaja yang lulus dan berjaya menamatkan kursus ini iaitu dua pegawai dan 21 anggota lain-lain pangkat.

Antara peserta yang lulus merupakan tiga calon *Non Malaysian Defence Cooperation Programme* (NMDCP) iaitu seorang pegawai berpangkat Leutenant Madya dari Bangladesh dan dua orang anggota lain-lain pangkat dari Brunei Darussalam. Kesemua penuntut perlu menjalani latihan selama empat bulan merangkumi beberapa peringkat seperti pemilihan awal, kem, hutan, ikhtiar hidup pertempuran, paya, laut, latihan tawanan perang dan akhir sekali pelarian dan pelolosan.

Pengambilan kali ini dianggap bersejarah bagi PASKAL apabila salah seorang pegawai dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia telah lulus Kursus Asas Komando PASKAL. Dengan penambahbaikan dari segi latihan serta pemantauan peningkatan fizikal yang berterusan adalah diharapkan lebih ramai lagi pegawai dan anggota dapat menyertai PASKAL. Keberkesanan terhadap latihan asas PASKAL ini telah mendapat kepercayaan dari negara-negara luar dengan penyertaan pegawai dan anggota NMDCP.

Pemakaian Beret PASKAL kepada penuntut juga dibuat secara berbeza apabila ibu bapa penuntut yang lulus diberi peluang untuk menyerungkan beret kebanggaan PASKAL kepada penuntut yang lulus. Ironi upacara tersebut dilakukan agar penuntut dapat menghargai dan seterusnya mendapat restu daripada ibu bapa mereka bahawa anak mereka bakal menggalas satu tanggungjawab yang besar terhadap negara. Majlis ini turut dihadiri hampir 450 hadirin terdiri daripada ahli keluarga penuntut dan warga PASKAL.





LIMA '17 DIJANGKA LEBIH HEBAT DARI EDISI LEPAS

Oleh: PKK Norzuhaira Ruhanie
Foto: LK II PNK Khairul Najmi

Kuala Lumpur - Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition-LIMA) edisi ke-14 yang akan berlangsung pada 21 hingga 25 Mac 2017 menjanjikan penganjuran yang lebih hebat dengan penyertaan yang lebih besar daripada pemamer, delegasi dan juga pengunjung. LIMA '17 pada kali ini akan dianjurkan oleh pengajur rasmi baharu iaitu EN Projects (M) Sdn Bhd yang dipengerusikan oleh YB Senator Laksamana (B) Tan Sri Mohd Anwar bin Hj Mohd Nor.

Majlis pelancaran LIMA '17 telah diadakan di Wisma Pertahanan pada 23 Jun 2016 lalu telah disempurnakan oleh YB Menteri Pertahanan Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein dan YB Senator Laksamana (B) Tan Sri Mohd Anwar di Auditorium Wisma Pertahanan. Upacara tersebut disaksikan oleh YB Timbalan Menteri Pertahanan Dato' Sri Mohd Johari Baharom, Ketua Setiausaha Kementerian Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi dan Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Zulkifeli Mohd Zin.

Selesai upacara pelancaran, YB Menteri Pertahanan telah menyerahkan sijil pelantikan jawatankuasa penganjuran LIMA '17 kepada agensi-agensi kerajaan yang terlibat di mana Panglima Tentera Laut Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Hj Ahmad Badaruddin telah dilantik sebagai Penggerusi Sekretariat Maritim.



Dato' Seri Hishammuddin bersama YB Senator Laksamana (B) Tan Sri Mohd Anwar merasmikan pelancaran LIMA' 17



YB Senator Laksamana (B) Tan Sri Mohd Anwar (Kanan) pengajur baharu LIMA '17



Panglima Tentera Laut dilantik sebagai Penggerusi Sekretariat

PACIFIC REACH 2016 – SAMBUTAN KEPULANGAN MEGA BAKTI DARI JINHAE

Oleh: Lt Kdr Saidin bin Ibrahim TLDM
Foto :LK PNK Mohd Shahrime Abu Samah



KOTA KINABALU – Markas Angkatan Kapal Selam TLDM (MAKS) telah mengadakan satu majlis ringkas bertempat di Jeti Operasi MAKS sempena menyambut kepulangan kapal MEGA BAKTI (MB) pada 17 Jun 2017 setelah selesai penglibatan dalam Eksesais Pacific Reach 2016 (PR16) di Jinhae, Korea Selatan pada 23 Mei hingga 3 Jun 2016 yang lalu.

Ini merupakan penglibatan pertama kapal penyelamat kapal selam negara atau *Submarine Escape and Rescue-Intervention* (SMER-I) dalam eksesais multinasional yang melibatkan negara-negara yang mengoperasikan kapal selam di rantau Asia Pasifik.

Eksesais yang dianjurkan setiap tiga tahun ini bertujuan untuk menguji kemampuan dan keberkesanan sistem mencari dan menyelamat kapal selam yang dimiliki oleh negara-negara yang mengoperasikan kapal selam di rantau ini. Selain itu, ia turut mengetengahkan teknologi dan konsep menyelamat terkini yang digunakan oleh negara Amerika Syarikat, Korea Selatan, Singapura dan Jepun.

MB telah belayar dari Jinhae, Korea Selatan Korea Selatan pada 8 Jun 2016 jam 0955H dan tiba di Jeti Operasi MAKS pada 17 Jun 2016 jam 0830H. Pelayaran ini telah melibatkan 12 warga TLDM dan 30 kru MB.

Kapal MB dilengkapkan dengan sistem menyelamat kapal selam Tentera Laut Amerika Syarikat iaitu *Pressurised Rescue Module* (PRM) yang berkeupayaan melakukan tugas untuk menyelamat warga kapal selam yang terkandas sehingga ke kedalaman 600 meter.

Dalam PR16 yang lalu, MB telah berjaya melaksanakan operasi pemindahan kru kapal selam yang disimulasikan sebagai terkandas di dasar laut dari dua buah kapal selam negara luar iaitu HMAS RANKIN milik Tentera Laut Diraja Australia dan ROKS CHANG BOGO milik Tentera Laut Republik Korea masing-masing pada 30 dan 31 Mei 2016. Penglibatan dalam eksesais berskala besar ini telah menguji keupayaan sebenar dan kebolehan serta kemampuan MB untuk melaksanakan tugas menyelamat yang lebih kompleks dan realistik.

Ketibaan MB telah disambut oleh Panglima Angkatan Kapal Selam, Laksamana Muda Datuk Abdul Rahman Hj Ayob, Panglima Wilayah Laut 2, Laksamana Muda Datuk Khairul Anuar Yahya dan Ketua Pegawai Eksekutif Target Mega Marine Sdn. Bhd. (TMMSB), Laksamana Muda Datuk Mohammad Rosland Omar (Bersara).



PASKAL IRING MEGA MALIKAI **TENSION LEG PLATFORM** KE PERAIRAN SABAH

Oleh: Lt Mazlan bin Manap TLDM

Tim Gempur PASKAL telah ditugaskan untuk mengiringi dan memberi perlindungan keselamatan semasa pergerakan *Mega MALIKAI Tension Leg Platform* (TLP) dari MMHE Pasir Gudang ke Perairan Sabah bermula 11 hingga 22 Jul 2016. *Platform* berkenaan adalah aset penting negara amnya dan SHELL khasnya dalam sektor cari gali dan pemprosesan gas asli yang merupakan faktor penyumbang ekonomi negara Malaysia.

Pergerakan Tim Gempur PASKAL dibahagikan kepada dua pergerakan iaitu lima anggota Tim Gempur PASKAL bertolak ke Sungai Pulai untuk menaiki kapal KM SATRIA kepunyaan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi pemindahan tim ke *Tugboat Sea Cheyenne* manakala sembilan anggota Tim Gempur PASKAL dibawa naik ke *platform* *MALIKAI*.

Lawatan ke seluruh *platform* telah dilaksanakan bagi memberi pendedahan lebih terperinci mengenai reka bentuk dan kawasan-kawasan rendah yang dikhawatiri boleh dipanjang oleh musuh. Pelaksanakan tugas mengawal dilakukan pada waktu siang dan malam setiap satu jam. Rutin rondaan dikekalkan setiap hari sehingga *platform* tiba di perairan Sabah. Secara keseluruhan, proses mengiringi *Mega MALIKAI Leg Tension Platform* berjalan lancar tanpa berlaku sebarang perkara yang tidak diingini. Kerjasama di antara SHELL dan TLDM amnya serta PASKAL khasnya dapat diteruskan untuk kepentingan bersama pada masa akan datang.



Rahsia ASAM PEDAS MERONG MAHAWANGSA

Oleh: PW I PRL Normahaily Mohd Nor

Menu Asam Pedas Merong Mahawangsa seakan mencetus fenomena kepada anak-anak kapal KD MAHAWANGSA kerana keunikan rasanya yang tiada tandingan apatah lagi apabila turut dikaitkan dengan filem epik popular sekitar 2011, Hikayat Merong Mahawangsa, sinonim nama kapal dari kelas *Landing Ship Tank* ini.

"Saya dapat idea ini semasa filem tersebut meletup di pawagam dan sehingga kini masih disebut-sebut," ujar Bintara Muda Bendari (BDI) Bukhori Abdullah, Ketua Bendari kapal sambil memasukkan bahan-bahan ke dalam periuk. Aroma asam pedas mula menerawang ke segenap ruang *galley* dan begitu membangkitkan selera.

Menurut Bukhori, masakan tersebut menjadi kegemaran anak-anak kapal lebih-lebih lagi semasa kapal terlibat operasi.

"Mungkin kerana rasanya yang masam-masam dan sedikit pedas, ianya agak sesuai dengan suasana pelayaran di tengah laut," ujar Bukhori yang mempunyai pengalaman luas bertugas di kapal; KD MAHAWANGSA merupakan kapal ke tujuh sepanjang perkhidmatannya.

Menceritakan cabaran sebagai tukang masak di kapal, Bukhori tidak dapat melupakan pengalaman memasak semasa laut sedang bergelora.

"Keadaan memang kelam-kabut ketika tu. Anak-anak kapal dah hilang keseimbangan. Sebagai tukang



masak, saya mesti masak walau dalam apa keadaan sekalipun sebab anak-anak kapal mesti makan," katanya.

Pernah bertugas di KD LEDANG yang hanya mempunyai kekuatan seramai 60 anggota, Bukhori mengakui cabarannya lebih hebat apabila tugasnya beralih ke kapal bersaiz lebih besar yang menampung tiga kali ganda jumlah anggota.

"Memasak untuk kapal besar memang satu cabaran bagi saya. Kalau sebelum ini saya memasak dalam kuantiti yang sedikit, kini saya perlu bijak menyukat bahan masakan untuk jumlah lebih tiga kali ganda.

"Walaupun cabarannya berbeza, namun tugas saya jadi mudah kerana Pegawai Bekalan, Leftenan Komander (Lt Kdr) Roslan banyak membantu dan beliau bertanggungjawab menentukan menu kapal," ujarnya lagi.

Menariknya, KD MAHAWANGSA mampu menyimpan rangsum basah dan kering sehingga 28 hari kerana kapal mempunyai stor penyimpanan yang besar. Tidak hairanlah kapal mampu berada di tengah laut dalam tempoh yang agak lama tanpa masalah bekalan makanan.



Menceritakan menu istimewa yang ingin dikongsi, Bukhori mengakui bahawa menu tersebut sememangnya digemari warga kapal, malah turut menjadi sebahagian menu penting untuk tetamu-tetamu kapal.

Menggunakan ikan merah sebagai bahan utama, Bukhori bangga kerana menu tersebut turut menjadi *trade mark* kapal.

"Biasanya kita gunakan ikan pari, tetapi saya cuba ubah menggunakan ikan merah kerana isinya lebih manis dan segar," katanya lagi.

Menurut Pegawai Memerintah kapal, Kepten Sazalee Shoib TLDM, kapal bukan sahaja menyediakan sajian untuk warganya yang berkekuatan seramai 197 anggota malah turut menyajikan menu istimewa untuk tetamu-tetamu kenamaan apabila kapal dijadikan platform penganjuran majlis-majlis rasmi.

"Mungkin kerana kapal mempunyai *tank deck* yang besar, pengendalian majlis menjadi mudah dan lancar malah lebih selesa," ujar beliau.



Bahan-bahan

Asam Pedas Merong Mahawangsa:

2 ekor ikan merah
(bersihkan dan potong sederhana)
10 tangkai cili kering (dikisar)
10 biji bawang merah (dikisar)
5 ulas bawang putih (dikisar)
5 batang serai (dikisar)
Sedikit belacan
Air asam jawa
Daun kesum
Bunga kantan
Bendi/terung/tomato
Garam/serbuk perasa

Cara memasak:

- 1 Tumis semua bahan yang dikisar bersama belacan
- 2 Setelah naik bau, masukkan air asam jawa secukupnya, tunggu sehingga mendidih
- 3 Setelah mendidih, masukkan ikan, bunga kantan dan daun kesum
- 4 Apabila ikan hampir masak, masukkan bendi, terung dan tomato
- 5 Tunggu sehingga terung seakan-akan layu barulah masukkan garam dan serbuk perasa secukupnya
- 6 Siap untuk dihidang.





DIFTERIA

Oleh: Lt Nurul Huda Binti Harun TLDM

Difteria kini menjadi sebutan hangat di kalangan masyarakat Malaysia dan pelbagai spekulasi dikeluarkan berkenaan dengan penyakit tersebut. Usaha berterusan dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan bagi mengatasi masalah tersebut.

Apa itu Difteria?

Difteria merupakan jangkitan bakteria yang berpunca daripada *Corybacterium diphtheriae* yang menyerang bahagian atas mukus saluran pernafasan dan kulit yang terbuka. Bakteria yang dijangkiti oleh virus *corynebacteriaophage* yang akan mengeluarkan toksin difteria.

Definisi Difteria berdasarkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia adalah penyakit akut yang menjelaskan sistem pernafasan.^[1]

Bagaimana difteria tersebar?

Bakteria Difteria tersebar melalui saluran pernafasan, kulit dan sentuhan. Pembawa kuman difteria dipengaruhi oleh faktor-faktor persekitaran seperti kekeringan, kepanasan dan sinaran matahari. Ia menjakiti farinks, larinks, tonsil, hidung, selaput mukus lain, kulit, konjuktiva dan kemaluan. Sasaran utama pengaruh bakteria ini adalah lebih kepada bayi dan orang tua. Kanak-kanak dan dewasa telah mendapatkan imunasi lengkap juga terdedah kepada risiko difteria. Semua kes kematian yang berlaku adalah di kalangan yang tidak mendapatkan pelalian terutama kanak-kanak.

Apakah Simptom-simpton awal penyakit?

Tanda-tanda awal yang dikenal pasti pesakit menghadapi Difteria adalah lesu, demam, sakit

kerongkong dan sukar menelan kerana tekak berasa sakit di antara rongga mulut dan farinks serta bengkak pada kelenjar leher. Kanak-kanak akan mengalami mual, muntah-muntah, sejuk dan demam tinggi. Simptom ini berpunca daripada toksin yang disebarluaskan oleh bakteria tersebut.

Apakah kesan komplikasi difteria?

Komplikasi yang berlaku adalah kelumpuhan saraf krania, motor periferi, deria serta miorkarditis. Kelumpuhan saraf otak, kaki dan tangan (motor periferi) serta deria dan radang pada jantung (miorkarditis) adalah antara komplikasi lain.

Statistik Difteria di Malaysia

Berdasarkan kepada Kenyataan Akhbar Kementerian Kesihatan Malaysia, 18 hingga 21 Jul 16 sebanyak 9 kes difteria dilaporkan di Negeri Sembilan (6), Pulau Pinang (2) dan Kedah (1). Kes terkini juga telah berlaku di Perak (1 Kes). Jumlah keseluruhan termasuk kematian adalah 24 kes.^[2]

Siri	Negeri	Jumlah kes	Kematian
1.	Negeri Sembilan	7	0
2.	Kedah	8	1
3.	Sabah	4	3
4.	Melaka	3	1
5.	Pulau Pinang	2	0
Jumlah		24	5

Sembilan Kes yang baru dalam lingkungan umur 8 hingga 50 tahun dan 6 kes daripadanya telah mempunyai sejarah imunisasi yang lengkap.

Cara Mengatasi

Bagi mengatasi masalah atau melaksanakan pencegahan awal, semua ibu bapa mengelakkan membawa anak-anak ke tempat awam yang sesak seperti di pusat kanak-kanak. Kanak-kanak yang masih dibawah umur 7 tahun perlu mendapatkan imunisasi lengkap bagi mengelakkan jangkitan tersebut terus merebak. Orang dewasa yang mempunyai gejala jangkitan saluran pernafasan, mereka perlu memakai topeng muka atau hidung bagi mengelakkan penyebaran melalui respiratori. Suntikan vaksin juga boleh diberikan kepada kanak-kanak untuk mengelak jangkitan bakteria tersebut.

Kesimpulan

Diharapkan semua masyarakat dapat mematuhi arahan Kementerian Kesihatan Malaysia agar anak-anak tidak mudah dijangkiti dan membawa kemudaran kepada keluarga masing-masing. Kesejahteraan hidup bermula dengan kesihatan yang baik.

SUKAN



TLDM berpesta pingat apabila berjaya menguasai empat daripada enam acara di Kejohanan Karnival Sukan Antara Perkhidmatan ATM 2016 sekaligus muncul pasukan teratas yang memonopoli kejohanan.

Kejohanan kali ke-53 anjuran Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) ini dilaksanakan dengan jayanya mulai 5 hingga 8 Sep 16 di sekitar Lembah Klang. Enam acara sukan yang dipertandingkan termasuklah Bola Jaring, Indoor Hockey (Lelaki), Indoor Hockey(Wanita), Olahraga (Lelaki), Olahraga (Wanita) dan tenis.



BOLA JARING

Johan: TLDM
Naib Johan: TDM
Ketiga: TUDM

TENIS

Johan: TLDM
Naib Johan: TUDM
Ketiga: TDM

TLDM UNGGULI KEJOHANAN 2016 SUKAN ATM

Oleh: BM JJM Akhbar, LEKAS TLDM

Foto: Sel Komunikasi Strategik MkTL

Menariknya, TLDM turut memenangi beberapa kategori individu yang menyaksikan LK I TNL Azimah Mat Ali dinobatkan Penjaring Terbanyak dengan 116 jaringan dan LK II TNL Nurul Ain Azhar dianugerahkan Pemain Terbaik melalui perlawanan Bola Jaring. Dalam kejohanan tenis, TLDM turut menyandang tiga kemenangan iaitu Pemain Veteran Terbaik yang disandang Laksda Datuk Abdul Rahman Ayop, Pemain Wanita Terbaik, LK II JJM Nurul Atikah Jannah@Zainal dan Pemain Harapan Lelaki, LK II PAP Mohd Nur Amin Sahimi. Turut mendapat tempat sebagai Peserta Terbaik ialah LK I PNK Muhammad Irfan Shamsuddin yang berjaya memperoleh pingat emas melalui acara Lempar Cakera sekaligus berjaya memecahkan rekod kejohanan dengan jarak 47.51 meter.

Stadium Arena, Universiti Malaya terus gamat dengan sorakan apabila atlet balapan, LK II JJM Prabudass Krishnan yang berjaya memperoleh tiga pingat emas dalam acara 3000m Lari Berhalangan, 5000 meter dan 10000 meter dan LK II JJM Salesnila Gabi yang turut menggondol tiga pingat emas dalam acara 3000 meter Lari Berhalangan, 1500 meter dan 5000 meter diumum sebagai Olahragawan dan Olahragawati bagi Kejohanan Olahraga ATM Ke-53 2016. Kedua-dua mereka membawa pulang wang tunai berjumlah RM300, piala pusingan dan piala iringan.

Upacara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Hj Ahmad Badaruddin yang turut merasmikan majlis penutupan kejohanan. Hadir sama menyaksikan acara gilang-gemilang ini ialah Timbalan Panglima Tentera Udara, Leftenan Jeneral Dato'Sri Hj Affendi Buang TUDM dan Mejai Jeneral Dato' Paduka Tengku Ahmad Noor Tuan Chik yang mewakili Panglima Tentera Darat.

Berikut keputusan keseluruhan bagi acara yang dipertandingkan:

INDOOR HOCKEY

Kategori Lelaki:

Johan: TDM
Naib Johan: TLDM
Ketiga: TUDM

Kategori Wanita:

Johan: TDM
Naib Johan: TLDM
Ketiga: TUDM

OLAHRAGA

Kategori Lelaki:

Johan: TLDM - 20 Emas /8 Perak/4 Gangsa
Naib Johan: TDM - 2 Emas/ 8 Perak/13 Gangsa
Ketiga: TUDM - 0 Emas/ 6 Perak/ 3 Gangsa

Kategori Wanita:

Johan: TLDM - 19 Emas/10 Perak/8 Gangsa
Naib Johan: TDM - 3 Emas/ 10 Perak/ 9 Gangsa
Ketiga: TUDM - 0 Emas/2 Perak/1 Gangsa







Pegawai Memerintah KD PERAK menerangkan teknik bermain ragbi secara teori

KLINIK RAGBI KD PERAK DI LAUT

Oleh: KD PERAK

Lahad Datu – KD PERAK telah melaksanakan Klinik Ragbi untuk warga kapal ketika penugasan di kawasan operasi pada 22 Jul 16. Klinik Ragbi ini dilaksanakan secara teori dan praktikal sebagai pendedahan terhadap sukan lasak ini. Selain itu Klinik Ragbi ini merupakan salah satu aktiviti sukan yang dirancang sepanjang pelayaran kali ini bagi memastikan warga KD PERAK sentiasa cergas dan mengamalkan gaya hidup sihat.

Klinik Ragbi yang pertama kali dilaksanakan di laut ini telah melibatkan semua warga yang tidak bertugas dan telah bertempat di Geladak Penerbangan KD PERAK. Pegawai Memerintah telah menjadi jurulatih dan mengajar cara-cara serta teknik untuk bermain ragbi. Sesi kali ini telah didedahkan secara teori dan praktikal bagi memperlihatkan teknik-teknik yang betul untuk bermain ragbi.

Minat dan kerjasama warga kapal yang ditunjukkan amat memberangsangkan dengan penglibatan maksimum warga kapal yang bersemangat untuk mempelajari sukan ragbi ini. Klinik Ragbi ini telah menjadi salah satu aktiviti sukan KD PERAK pada waktu petang ketika di jeti mahupun di laut yang dapat mengeluarkan peluh serta menyihatkan tubuh badan.



Pegawai Memerintah menunjukkan teknik scrum yang betul



Sesi pembelajaran secara praktikal



Penglibatan warga KD PERAK yang memberangsangkan



KEJAYAAN AKADEMI BOLA SEPAK TLDM DI KEJOHANAN AKADEMI BOLA SEPAK ATM

Oleh: BK TLS Morshidi bin Lonsheng

Akademi Bola Sepak TLDM telah ditubuhkan pada bulan Julai 2015 yang diterajui oleh Persatuan Bola Sepak TLDM (PBTLDL). Ia bertujuan untuk menggilap bakat muda dalam kalangan anak-anak warga tentera daripada tiga cabang perkhidmatan sama ada yang masih berkhidmat mahupun yang telah menamatkan perkhidmatan. Bagi tujuan ini, Akademi telah memilih sekumpulan anak muda yang berpotensi dan berbakat yang berumur antara 10 hingga 17 tahun untuk dilatih di bawah program ini. Latihan yang dijalankan merangkumi aspek kesihatan dan kecerdasan serta pembangunan sosial dan moral peserta bagi melahirkan pemain yang seimbang daripada segi fizikal, mental dan emosi.

Akademi Bola Sepak TLDM menetapkan misi untuk meningkatkan mutu dan kualiti bola sepak profesional dengan mengasah bakat muda dalam persekitaran yang tertumpu dan kondusif, menggunakan kaedah profesional yang terbukti berkesan oleh pemain pemain yang terkemuka di Malaysia. Visinya pula adalah untuk melahirkan pemain berkemahiran tinggi mampu menjadi pemain bola sepak profesional serta berpotensi untuk menjadi bintang bola sepak antarabangsa. Seramai enam orang jurulatih terlatih yang terdiri daripada anggota TLDM telah diamanahkan untuk menjayakan misi dan visi akademi tersebut.

Sesi pendaftaran dan pemilihan peserta telah diadakan bagi mengenalpasti anak-anak anggota yang berminat untuk ikut serta dalam program yang dijalankan. Sesi ini ternyata mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan hampir 110 peserta telah mendaftarkan diri untuk menyertai program tersebut. Daripada jumlah tersebut, hanya 80 peserta yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sahaja telah dipilih bagi menyertai program tersebut. Peserta yang terpilih telah dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori Bawah 13 tahun dan bawah 17 tahun.

Akademi Bola Sepak TLDM ini menjalankan latihan sebanyak 2 kali seminggu iaitu pada hari Sabtu dan Ahad. Di samping itu, beberapa perlawanan persahabatan telah turut dianjurkan bagi menilai perkembangan peserta. Pencapaian Akademi Bola Sepak TLDM ternyata cemerlang apabila mereka telah memenangi 4 daripada 5 perlawanan yang dilangsungkan. Apa yang membanggakan, para pemain telah memperlihatkan kesungguhan yang tinggi serta semangat tidak mengenal erti lelah dan mengalah. Di samping itu, mereka juga turut mendapat sokongan dan dorongan yang kuat daripada ibubapa masing-masing.

Sesi Pendaftaran dan Permilihan

Akademi ini sekali lagi diuji dalam penyertaan Kejohanan Akademi Bola Sepak ATM yang telah dianjurkan oleh Persatuan Bola Sepak ATM. Sebanyak 16 pasukan telah mengambil bahagian melibatkan pasukan Akademi Bola Sepak anak-anak tentera dari seluruh Malaysia yang diwajibkan menyertai kejohanan ini. Kejohanan dianjurkan dengan objektif mencari bakat baru dalam kalangan pemain Akademi untuk ditawarkan ke Sekolah Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) Kem Terendak, Melaka. Pemain yang terpilih akan diberi kemudahan penginapan dan berlatih di pusat latihan Akademi, bola sepak ATM secara lebih profesional di samping mengikuti pendidikan yang lebih baik.

Dalam kejohanan ini, Akademi Bolasepak TLDM telah menghantar dua kategori pasukan iaitu B16 dan B13 tahun. Setelah menghadapi pelbagai dugaan dan kesulitan, Akademi Bolasepak TLDM telah muncul Johan bagi pasukan B16 dan mendapat tempat ketiga bagi pasukan B13 daripada 16 pasukan yang bertanding. Seramai enam pemain telah terpilih untuk ditawarkan ke MRSRM, Kem Terendak. Ini membuktikan segala usaha dan objektif penubuhan Akademi telah berjaya dan memberi manfaat kepada anak-anak tentera keseluruhannya dan anak-anak TLDM khasnya. Di samping berpeluang menjadi pemain bola sepak yang baik, mereka juga berpeluang ditempatkan di institusi pengajian yang lebih baik.

Semoga usaha ini dapat diteruskan demi kejayaan anak-anak anggota TLDM. Akademi ini juga telah membuka mata pasukan lain bahawa ia adalah pasukan yang perlu digeruni pada kejohanan yang akan datang.



Sesi Latihan

**Kualiti Cetakan/Penerbitan**

Mohon pertingkatkan kualiti cetakan/penerbitan kerana gambar/tulisan agak kabur dan tidak diselaraskan dengan warna latar yang secara langsung boleh mengganggu 'mood' kami untuk terus membaca.

Hanim, Negeri Sembilan.

Panglima-Panglima TLDM

Saya anggota baru TLDM. Saya dan kawan-kawan menjadikan majalah ini sebagai bahan rujukan kerana banyak maklumat boleh diperolehi selain sumber dari internet. Mohon jasa baik pihak Sidang Redaksi untuk memaparkan gambar dan perjawatan Panglima-Panglima TLDM kerana anggota baru seperti saya masih belum mengenali mereka dengan lebih jelas dan masih keliru tentang perjawatan yang disandang.

LK II Amir, Lumut.

**Uniform TLDM**

Mohon Sidang Redaksi paparkan uniform-uniform yang dipakai oleh pegawai dan anggota TLDM kerana ia menarik dan unik.

Ali, Kuala Lumpur.

**Kerja-Kerja Kebajikan**

Assalamualaikum warga SAMUDERA, harap dapat kongsikan pengalaman anggota TLDM dalam kerja-kerja kebajikan dan kemasyarakatan sama ada di dalam maupun di luar negara.

Norma, Perak.

**Pertandingan Menulis Sajak**

Saya ingin mencadangkan agar diadakan pertandingan menulis sajak untuk pembaca majalah ini bagi menyemai semangat patriotik di kalangan pembaca sekaligus memberi peluang kepada mereka untuk menonjolkan bakat.

Anis Suraya, Langkawi.

**Lantik Tim Cakna**

Saya berminat untuk bersama-sama menyumbang artikel dan gambar dalam majalah ini tetapi ada kalanya tidak berpeluang kerana saya terikat dengan tugas-tugas di unit. Saya mencadangkan agar pihak Sidang Redaksi melantik secara rasmi 'Tim Cakna' di setiap Markas/unit TLDM bagi mendapatkan sumber yang boleh membantu proses penerbitan majalah tanpa mengganggu tugas-tugas rutin.

BM Shapilin, Kuantan.

**Peraduan**

Saya pembaca setia majalah SAMUDERA. Kalau tak silap saya, majalah ini pernah menganjurkan beberapa peraduan untuk pembaca contohnya Teka Silang Kata, Teka-Teki, Mencari Barang Tersembunyi dan banyak lagi. Saya mencadangkan supaya peraduan ini dapat diteruskan kerana ia amat menarik selain dapat dijadikan sumber riadah.

Che Su, HAT Tuanku Mizan.

Kami mengalu-alukan sebarang komen atau cadangan untuk menambahbaik penerbitan majalah ini di masa-masa akan datang. Surat terbaik yang dipilih akan menerima hadiah misteri sebagai tanda penghargaan di atas sokongan anda. Sila hantarkan komen atau cadangan anda ke:

Surat Pembaca
Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA
Bahagian Pengurusan Strategik
Markas Tentera Laut, Wisma Pertahanan
50634 Kuala Lumpur.

Emel: majalahsamuderatldm@gmail.com

Naval radio communications. Rohde & Schwarz.

Rohde & Schwarz has provided more than 40 navies including Royal Malaysian Navy with state-of-the-art communications technology.

Our latest contribution: R&S®NAVICS, a fully IP-based naval switching system for internal and external voice and data communications.

R&S®NAVICS ensures reliable and encrypted information exchange and brings the advantages of IT technology on board today's vessels.

www.rohde-schwarz.com/ad/navics





www.limaexhibition.com

ASIA PACIFIC'S PREMIER MARITIME AND AEROSPACE SHOWCASE

21-25 MARCH 2017

Co-organised by:



Ministry of Defence
Malaysia



- [fb.com/LimaExhibition](https://www.facebook.com/LimaExhibition)
- [@LimaExhibition](https://twitter.com/LimaExhibition)
- [lima_exhibition](https://www.instagram.com/lima_exhibition/)

www.limaexhibition.com